Secara umumnya, ikan marin memerlukan ω 3 HUFA untuk perkembangan tumbesaran, tetapi bagi ikan air tawar termasuklah tilapia memerlukan asid lemak ω 6 (Rodriguez *et al.*, 1997). Tambahan lagi, sesetengah spesies ikan sahaja yang mampu untuk memanjangkan dan menyahtepukan asid lemak C₁₈ kepada asid lemak ω 3 HUFA yang lebih kompleks (Ibeas *et al.*, 1996; Turchini *et al.*, 2006). Kelebihan ini terdapat pada ikan air tawar yang boleh memanjangkan dan menyahtepukan asid lemak (contohnya C₁₈:3n-3 kepada HUFA) dan sebaliknya berlaku pada ikan marin (Yone, 1982). Oleh sebab itu, asid lemak HUFA seperti C₂₀:5n-3 dan C₂₂:6n-3 biasanya dibekalkan dalam diet ikan marin.

Jadual 2.2: Keperluan asid lemak beberapa jenis ikan (Watanabe, 1982).

Spesies	Keperluan asid lemak perlu
Ikan keli (<i>I. punctatus</i>)	1% 18:3n-3 atau 0.5% - 0.75% 20:5n-3 dan 22:6n-3
Kap biasa (<i>C. carpio</i>)	1% 18:2n-6 dan 1% 18:3n-3
Ikan belut Jepun (<i>A. japonica</i>)	0.5% 18:2n-6 dan 0.5% 18:3n-3
Sea bream merah (<i>C. major</i>)	0.5% 20:5n-3 dan 22:6n-3
Siakap (<i>Lates calcarifer</i>)	1% 20:5n-3 dan 22:6n-3
Ikan tilapia (<i>T. nilotica</i>)	0.5% 18:2n-6
Ikan tilapia (<i>T. zillii</i>)	1% 18:2n-6 atau 1% 20:4n-6
Yellowtail (<i>S. quinquerediata</i>)	2% 20:5n-3 dan 22:6n-3

2.3.4 Pengoksidaan Lemak Dalam Ikan

Lipid yang teroksida membahayakan ikan. Pengoksidaan lipid merupakan faktor utama dalam kemerosotan kualiti isi ikan dan akan memberikan kesan yang negatif kepada rasa, warna, tekstur dan nilai makanan berkhasiat akibat dari kemusnahan kandungan vitamin A, D dan E dan asid lemak perlu (EFA). Dari sudut pandangan perubatan, pengoksidaan lipid yang tidak terkawal boleh menyebabkan kemusnahan membran dan seterusnya peningkatan dalam jangkitan penyakit (Gurr dan Harwood, 1991). Hasil komposisi pengoksidaan lipid pada otot bergantung kepada profil asid lemak yang terdapat dalam ikan tersebut. Semakin banyak asid lemak tak tepu dalam otot,

semakin senang atom hidrogen dipisahkan dan proses pengoksidaan berlaku (Skibsted *et al.*, 1998).

Secara amnya, lipid daripada ikan mempunyai darjah ketidaktepuan yang tinggi pada lipid berbanding jenis makanan yang lain, jadi ia lebih mudah terdedah kepada proses pengoksidaan. Lipid dalam ikan sebahagian besar terdiri daripada asid lemak poli tak tepu (PUFA), terutamanya famili ω 3 PUFA iaitu asid linolenik (C18:3n-3) dan terbitannya asid eikosapentanoik (EPA, C20:5n-3), asid dokosapentanoik (DPA, C22:5n-3) dan asid dokosaheksanoik (DHA, C22:6n-3) adalah lebih cenderung untuk dioksidakan dan sedia teroksidasi untuk membentuk hiperoksida (Shahidi, 1991 dan Pirini *et al.*, 2000).

Selain daripada kandungan lemak dalam tisu dan darjah ketidaktepuan lipid, faktor lain yang menyebabkan pengoksidaan bergantung kepada spesies yang dikaji. Sekiranya spesies adalah sama, ikan kecil lebih cepat menjadi rosak berbanding ikan bersaiz yang lebih besar. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kemampuan bakteria permukaan untuk mempengaruhi spesimen yang lebih kecil (Merritt, 1970). Di samping itu, kadar pengoksidaan juga dipengaruhi oleh keadaan ikan semasa ditangkap, diet, musim, tempat ternakan dan perkembangan pembiakan, serta teknik selepas penangkapan; pendarahan, pengeluaran isi perut, penyejukan dan penyimpanan.

2.4 Kesan-kesan asid lemak

2.4.1 Kematangan dan Pembiakan

Santiago dan Reyes (1993) telah membuat kajian kesan sumber lipid ke atas penghasilan telur dan tisu lipid pada tilapia dan mendapati bahawa diet yang mengandungi minyak hati ikan yang tinggi (kaya dengan $\omega 3$ HUFA) menunjukkan produktiviti yang rendah. Manakala penghasilan fri ikan yang banyak dicapai dalam diet yang mengandungi minyak kacang soya iaitu diet yang kaya dengan sumber asid lemak $\omega 6$.

Lipid bukan sahaja memberi kesan terhadap ikan betina, Shearer dan Swanson (2000) mendapati bahawa kadar kandungan lipid dalam badan ikan juga mempengaruhi kematangan ikan salmon jantan. Lipid juga penting untuk perkembangan organ pada peringkat awal dan keperluan dalam proses fisiologi seperti perkembangan fri dan smoltifikasi pada salmonid (Berril *et. al.*, 2004).

2.4.2 Sistem imun

Kesan asid lemak terhadap sistem imun sangat kompleks dan bergantung kepada beberapa faktor yang mempengaruhi penghasilan eikosanoid yang berfungsi sebagai pengawal sistem penahanan badan dalam organisma. Secara amnya, keperluan EFA pada ikan air tawar mampu dipenuhi dengan membekalkan asid-asid lemak linoleik (C18:2n-6) dan linolenik (C18:3n-3) dalam diet pemakanan ikan kerana ikan air tawar mampu memanjang dan menyahtepukan asid lemak (Ibeas *et al.*, 1996). Ia amat berbeza bagi keperluan EFA pada ikan marin kerana keperluannya hanya mampu dipenuhi dengan membekalkan jumlah dan nisbah yang betul pada rangkaian panjang HUFA, asid

eikosapentanoik (C20:5n-3; EPA) dan asid dokosaheksanoik (C22:6n-3) (NRC, 1993; Higgs & Dong, 2000). Kiron *et al.* (1995) telah membuktikan bahawa pengurangan tahap EFA pada rainbow trout mengurangkan bakteria pembunuh *in vitro* oleh mikrofauna dan seterusnya mengurangkan penghasilan antibodi. Namun kajian perkaitan nisbah asid lemak ke atas sistem imun pada ikan masih di peringkat permulaan dan data masih kurang lengkap.

2.4.3 Kesan-kesan negatif

Pada kebiasaannya, masalah yang wujud pada keperluan asid lemak poli tak tepu dalam siri $\omega 3$ oleh ikan berkait rapat dengan cara penyimpanan makanan. Ini kerana asid lemak poli tak tepu lebih mudah teroksida berbanding asid-asid lemak yang lain.

Selain itu, kandungan lipid yang tinggi boleh mengakibatkan tumbesaran terbantut. Contohnya pada larva *Solea senegalensis*, menunjukkan bahawa diet yang mengandungi lipid neutral yang banyak akan menyebabkan pengurangan tahap kebolehan untuk penyerapan asid lemak, ini berlaku berkemungkinan kaitannya dengan penggumpalan lipid pada gut enterosit (Morais *et al.*, 2005).

Selain itu, kajian yang dilakukan Esteves *et al.* (2003) pula mendapati bahawa wujud aktiviti abnormal pada pigmentasi pewarnaan ikan flatfish, kesan daripada kekurangan paras DHA untuk menghasilkan eicosanoid. Ini kerana eicosanoid berperanan untuk merangsang otak ikan untuk membesar dan proses metamorfosis serta menghasilkan pigmen warna. Walau bagaimanapun, keadaan ini boleh diatasi dengan pembekalan DHA yang mencukupi.

Kajian pengoksidaan pada minyak menhaden dalam diet terhadap tikus telah menyebabkan pengurangan dalam pengambilan makanan, melambatkan tumbesaran, gumpalan lemak yang berwarna kuning dan pengurangan kandungan hemoglobin serta hematokrit. Kesan negatif oksidasi minyak ikan boleh ditimbal balik dengan penambahan α -tokoferol acetat ataupun etoksikuin di dalam diet.

Pada tahun 1960, minyak sayuran amat popular kerana kestabilannya di dalam diet dan beberapa kajian telah menunjukkan rancid herring dan serbuk hake yang digunakan dalam serbuk ikan mengakibatkan penggelapan warna, anemia, kelesuan (kurang aktif), warna hati yang coklat kekuningan, buah pinggang yang tidak normal dan pergumpalan insang pada ikan salmon chinook. Simptom-simptom ini boleh dikurangkan dengan menambahkan α -tokoferol kepada diet yang mengandungi serbuk ikan ransid. Penambahan 5% vitamin E boleh menghalang proses ketoksikan dan kesan negatif terhadap ikan salmon chinook.

Walaupun nutrisi asid lemak ω 3 dalam ikan memberi kesan positif, namun ia juga mampu memberi kesan negatif sekiranya langkah-langkah yang sepatutnya diambil semasa pembuatan dan penyimpanan bahan makanan. Langkah yang paling penting ialah penggunaan minyak yang baru dengan nilai peroksida yang rendah. Kandungan makanan ikan seperti serbuk ikan perlu dilindungi daripada proses pengoksidaan. Peningkatan penambahan vitamin E seharusnya dilakukan dengan peningkatan kandungan PUFA. Pelet atau makanan ikan mestilah disimpan di dalam bekas yang kedap udara dan ditempat yang sejuk serta pendedahan kepada sinar UV yang minimum. Masalah pengoksidaan lipid tidak sepatutnya dipandang ringan.

2.5 Kesan Simpanan Tenaga (“Protein Sparing Effect”) dan Keperluan Tenaga oleh Ikan

Sumber utama tenaga dalam tindakbalas biokimia ialah adenosina trifosfat (ATP). Penukaran ATP kepada ADP (adenosine difosfat) disertakan dengan pembebasan tenaga dipanggil tindakbalas katabolisme manakala anabolisme melibatkan pemerangkapan tenaga di dalam ikatan fosfat oleh ADP kepada ATP.

Ikan seperti juga haiwan lain memerlukan tenaga untuk terus hidup. Tenaga ini disimpan dalam ikatan kimia pada makanan yang dimakan. Ikan merupakan haiwan yang paling efisien dalam menukarkan makanan kepada tisu badan. Secara amnya, $\frac{2}{3}$ atau $\frac{1}{2}$ daripada makanan yang diambil digunakan untuk tumbesaran (Halver, 1989). Namun, keperluan tenaga untuk penyelenggaraan dan aktiviti fizikal mestilah dipenuhi dahulu sebelum tenaga tersebut dibekalkan untuk tumbesaran ataupun sintesis tisu. Pada kebiasaannya, kadar keperluan tenaga akan berkurangan apabila saiz ikan membesar (Halver, 1989).

Tumbesaran dan proses metabolisme ikan ditanggung oleh tenaga yang dihasilkan dari proses katabolisme protein atau bukan protein (lipid dan karbohidrat). Keperluan protein ikan berkait rapat dengan tahap tenaga yang dibekalkan. Penggunaan secara efektif sumber tenaga dari sumber bukan protein contohnya lipid dan karbohidrat membolehkan protein disimpan (spare) (Wang *et al.*, 2006). Walau bagaimanapun, sekiranya dibandingkan antara sumber-sumber bukan protein seperti lipid merupakan sumber tenaga yang lebih efisien kepada ikan kerana ia membekalkan tenaga yang lebih tinggi per unit berat. Di samping itu, ikan juga lebih cenderung kepada lipid kerana lipid lebih senang dihadam berbanding karbohidrat kerana karbohidrat mempunyai struktur

molekul yang lebih kompleks. Kesan simpanan protein dengan menggunakan sumber bukan protein sebagai tenaga sangat berfaedah bukan sahaja dapat mengurangkan harga makanan malah dapat mengurangkan kemasukan bahan buangan bernitrogen ke persekitaran akuatik.

Nisbah protein kepada tenaga (P/E) amat penting dalam penentuan formulasi pemakanan yang menjimatkan dan mesra alam sekitar. Kebiasaannya, P/E berbeza di antara spesies ikan dan ia dapat dilihat dengan jelas antara ikan di kawasan air sejuk dengan ikan di kawasan tropika. Ikan air sejuk boleh menggunakan lipid pada tahap yang tinggi sebagai sumber tenaga jadi P/E yang diperlukan adalah rendah, contohnya ikan rainbow trout memerlukan 22 g MJ⁻¹ (Lee dan Putman, 1973) dan ikan salmon Atlantik, *Salmo salar*, hanya 18 g MJ⁻¹ (Hillestad and Johnsen, 1994). Ini amat berbeza pada ikan air panas yang memerlukan P/E yang tinggi, contohnya 31g MJ⁻¹ untuk ikan grouper (Shiau dan Lan, 1996) dan 28 g MJ⁻¹ pada ikan red drum (McGoohan dan Gaitlin, 1999).

Kesan simpanan protein berbeza bergantung kepada sesuatu spesies. Menurut Lie *et al.* (1988), beliau menyatakan bahawa paras lipid dari 15 – 18% merupakan paras yang optima untuk menggantikan sumber tenaga protein dalam diet. Bagi Lee dan Sang (2005) pula menyatakan bahawa peningkatan paras lipid dari 10 – 19% dengan paras protein sebanyak 42% menghasilkan peningkatan tumbesaran dan penggunaan protein dalam spesies *Pseudobagrus fulvidraco* dan mereka menyarankan diet yang mengandungi kombinasi 42 protein dan 19 lipid amat bersesuaian untuk spesies ini. Menurut De Silva *et al.* (1991), bagi ikan tilapia, *O. mosambicus x O. niloticus*, kadar tumbesaran dan kesan simpanan protein akan menurun apabila paras lipid melebihi 18%. Bagi ikan hiasan *Xiphorus helleri* (Ling *et al.*, 2006) menunjukkan bahawa pertambahan paras makanan

lipid dari 8 – 12% telah meningkatkan kadar tumbesaran spesifik dan beliau menyarankan kombinasi 30 protein dan 12 lipid didapati amat sesuai untuk spesies tersebut.

Fynn-Aikins *et al.* (1992), mendapati kesan simpanan protein berlaku apabila paras sub-optimum protein dibekalkan. Menurut Shiau dan Lin (1993), paras optimum protein tidak semestinya menjurus kepada penghasilan ikan yang berekonomi malah ia melibatkan kos sumber protein yang tinggi di dalam diet. Beberapa fakta menunjukkan bahawa nisbah sumber protein dan sumber tenaga yang lain merupakan faktor tumbesaran ikan lebih cekap.

Penggunaan tenaga di dalam sesuatu diet adalah merupakan kriteria penting bagi menentukan kesesuaiannya untuk haiwan ternakan. Haiwan menggunakan tenaga yang didapati daripada makanannya untuk membekalkan keperluannya untuk penyelenggaraan dan tumbesaran (Steffens, 1989). Tenaga yang dibekalkan oleh makanan terumus haruslah memenuhi keperluan ikan supaya protein yang dibekalkan digunakan untuk membentuk daging ataupun otot dan tidak digunakan sebagai sumber tenaga. Tenaga yang berlebihan pula akan menghasilkan ikan yang mempunyai kandungan lemak badan yang tinggi serta mengurangkan paras pengambilan makanan (seterusnya mengurangkan jumlah pengambilan protein) dan merencatkan penggunaan bahan-bahan nutrien di dalam makanan (Winfrey dan Stickney, 1981). Dengan itu, paras tenaga yang sesuai amatlah penting di dalam pemberian makanan.

2.6 Enzim Penghadaman

Penghadaman merupakan satu proses di mana makanan yang terdapat di dalam saluran penghadaman akan dipecahkan kepada komponen yang lebih kecil supaya ia mampu untuk melepasi membran dinding usus untuk diserap ke dalam aliran darah. Enzim penghadaman boleh dibahagikan kepada tiga kelas iaitu protein, lipid dan karbohidrat. Enzim yang memainkan peranan dalam protein ialah pepsin menghidrolisis ikatan asid amino pada aromatik radikal, kimotripsin hidrolisis ikatan karboksil and tripsin bertindak ke atas ikatan peptida antara arginina dan lisina. Enzim yang terlibat dalam pemecahan lipid pula ialah lipase dan esterase yang menghasilkan asid lemak dan gliserol (Rajah 2.2). Karbohidrat akan dipecahkan kepada gula ringkas contohnya kanji kepada glukosa oleh aktiviti amilase. Perembesan enzim telah dikenalpasti dalam esofagus oleh beberapa jenis spesies ikan tetapi aktiviti penghadaman lengkap bermula di bahagian perut (Chakrabarti *et al.*, 1995) ataupun usus hadapan bagi ikan yang tidak mempunyai perut seperti kap lalang.

Aktiviti enzim penghadaman dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti umur, peringkat fisiologi (persediaan untuk pembenihan dan kematangan organ seksual ikan) dan musim. Kajian enzim penghadaman ke atas ikan menekankan mekanisme dan kadar penggunaan nutrien yang maksimum merupakan asas untuk menentukan prosedur pemberian makanan ikan (Suarez *et al.*, 1995). Kajian tersebut menjurus kepada kemampuan mekanisme biokimia ikan dalam penukaran makanan. Corak enzim penghadaman mampu menjelaskan tabiat pemakanan ikan (herbivor, detritivor, omnivor dan karnivor) dan menunjukkan kapasiti penghadaman ikan tersebut (Smith, 1980). Seperti yang diketahui, ikan karnivor mempunyai usus yang pendek berbanding ikan-ikan

lain. Jadi dengan berpandukan profil enzim penghadaman, kita mampu meramalkan kemampuan sesuatu spesies mengambil sumber nutrien yang berlainan (Hofer dan Kock, 1989). Perubahan dari segi jenis, sumber dan jumlah nutrien dalam diet mampu mengubah profil enzim ataupun kepekatan enzim penghadaman. Ciri penyesuaian ini memberikan kelebihan kepada ikan untuk menggunakan nutrien di dalam diet (Moraes dan Bidinotto, 2000).

2.6.1. Enzim Lipase

Enzim lipase (trigliserida asil hidrolase EC. 3.1.1.3) merupakan enzim yang terdapat pada kebanyakan haiwan, tumbuhan dan mikroorganisma (L'opez-Amaya *et al.*, 2001). Enzim lipase merupakan pemangkin hidrolisis ikatan ester asid lemak dalam triasilgliserol dan menghasilkan asid lemak bebas (Norin *et al.*, 1993). Contoh substrat bagi enzim lipase ialah minyak tumbuhan, minyak haiwan, minyak ikan, minyak zaitun, lemak keju dan trisilgliserol sintetik seperti triolein. Namun, substrat utama bagi lipase adalah trigliserida pada rangkaian panjang asid lemak, manakala esterase bertindak ke atas ester ringkas yang mempunyai berat molekul yang rendah (Hepher, 1990). Esterase merupakan enzim lipolitik yang bertindak untuk menguraikan lipid sekiranya lipase belum wujud iaitu ketika perkembangan larva (Cousin *et al.*, 1987) Esterase dan lipase hadir di sepanjang saluran perkumuhan iaitu perut, pilorik seka dan sepanjang saluran usus.

Aktiviti lipase bergantung kepada kehadiran tapak aktif seperti garam hempedu dan ion kalsium bagi membanyakkan substrat untuk meningkatkan proses emulsifikasi. Kajian peranan garam hempedu pada ikan masih kurang. Dua jenis asid hempedu yang

terdapat pada pundi hempedu ialah asid taurokolik dan asid taurochenodesokskolik yang merupakan hasil pembentukan daripada asid kolik yang berkojugat dengan taurina. Asid dan garam tersebut bertindak sebagai detergen iaitu dengan mengemulsi lipid dan melancarkan aktiviti enzim lipolitik. Emulsifikasi membenarkan penyerapan terus pada sesetengah lipid semasa proses esterifikasi dalam sel epitelium pada dinding usus (Bergot dan Flechon,1970). Kebanyakan lipase bersifat alkali iaitu paling aktif pada pH antara 8 hingga 9, tetapi bagi sesetengah lipase mikrob lebih peka pada ion hidrogen dan aktif pada pH antara 5 hingga 6. Menurut Steffens (1989) suhu paling minimum bagi aktiviti lipase ialah antara 30 hingga 40°C. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Lie dan Lambertsen (1985) ke atas aktiviti lipolitik dalam pilorik seka dan usus bagi kod, mereka mendapati bahawa aktiviti lipolitik yang paling aktif pada suhu 37°C, tetapi aktiviti penghadaman lipase bermula pada suhu serendah 7°C. Hal ini berlaku disebabkan oleh aktiviti pemecahan asid-asid lemak dan lilin ester.

Aktiviti lipase pada ikan lebih tinggi berbanding mamalia. Walaupun aktiviti lipase telah dikenalpasti pada sepanjang sistem penghadaman ikan, namun pankreas berkemungkinan merupakan sumber utama lipase. Menurut Chesley (1934), enzim lipase banyak terdapat pada ikan yang mempunyai pankreas yang padat berbanding pankreas yang tersebar (diffused). Brockerhoff dan Hoyle (1965) telah menjalankan eksperimen *in vivo* dan mendapati bahawa terdapat aktiviti lipolisis dalam usus ikan kod (*Gadus morhua*), namun Brockerhoff dan Hoyle (1965) dan Overnell (1973) gagal menjumpai sebarang aktiviti lipase pada pilorik-seka ataupun tisu-tisu berkaitan. Leger (1981) telah mengekstrak lipase daripada ikan rainbow trout (*Salmo gairdnerii*), manakala Patton *et al.* (1977) telah berjaya menemui aktiviti lipase dalam hempedu pada dua spesies ikan air


masin iaitu ikan bilis (*Engraulis mordax*) dan tuna (*Trachurus symmetricus*). Sekiranya ikan yang tidak mempunyai lipase pankreas, enzim esterase yang akan bertindak sebagai enzim penghadaman lemak (Tenjaroenkul *et al.*, 2000; Chakrabarti *et al.*, 1995).

Penghadaman lipid pada larva ikan lebih bergantung kepada enzim esterase kerana enzim lipase tidak wujud sehinggalah proses metamorfosis berlaku (Cousin *et al.*, 1987). Namun begitu, Segner *et al.* (1994) membuktikan bahawa penghadaman lipid pada ikan peringkat larva berlaku seawal dua jam selepas pengambilan makanan pertama kali. Secara histologinya, penghadaman lipid secara aktif boleh dikenalpastikan dengan kewujudan titisan-titisan lipid yang banyak pada sel-sel epitelium mukosa yang dianggap sebagai tempat penyimpanan sementara lipid (Watanabe, 1982). Dipercayai kehadiran dan kuantiti enzim penghadaman adalah berkorelasi dengan diet ikan. Satu kajian telah dijalankan oleh Kitamikado dan Tachino (1960) ke atas ikan *Salmo gairdneri* menunjukkan bahawa, secara amnya aktiviti esterase akan meningkat dengan kadar tumbesaran, namun keputusan bagi kajian mereka menunjukkan aktiviti esterase paling tinggi pada ikan yang bersaiz medium.


3.0 BAHAN DAN KAEDAH

3.1 Pendahuluan

Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Eksperimen I (Kesan Nisbah Protein Kepada Lipid Terhadap Prestasi Tumbesaran, Komposisi Badan dan Profil Asid Lemak bagi Otot Anak Baung, *Mystus nemurus*) dan Ekperimen II (Pengaruh Nisbah Asid Lemak ω 3 dan ω 6 Terhadap Tumbesaran dan Komposisi Asid Lemak dalam Isi, Hati dan Kulit pada Anak Baung, *Mystus nemurus*), dengan objektif yang spesifik masing-masing. Secara amnya, bahan-bahan dan kaedah-kaedah analisis kimia yang terlibat di dalam Eksperimen I dan Eksperimen II boleh diringkaskan dalam bentuk carta aliran, seperti yang ditunjukkan di dalam **Rajah 3.1** dan **Rajah 3.2**.



Rajah 3.1: Ringkasan corak Eksperimen I – Kesan Nisbah Protein Kepada Lipid Terhadap Prestasi Tumbesaran, Komposisi Badan dan Profil Asid Lemak bagi Otot Anak Baung, *Mystus nemurus*



Rajah 3.2: Ringkasan corak Eksperimen II (Pengaruh Nisbah Asid Lemak ω_3 dan ω_6 Terhadap Tumbesaran dan Komposisi Asid Lemak dalam Otot, Hati dan Kulit pada Anak Baung, *Mystus nemurus*)

3.2 Diet Eksperimen

3.2.1 Eksperimen I – Kesan Nisbah Protein Kepada Lipid Terhadap Prestasi Tumbesaran, Komposisi Badan dan Profil Asid Lemak bagi Otot Anak Baung, *Mystus nemurus*

Dalam Eksperimen I, lapan jenis diet yang terdiri daripada nisbah protein dan lipid yang berbeza telah disediakan. Diet-diet eksperimen adalah isokalorik (Jadual 3.1). Diet yang disediakan mempunyai dua paras protein (35% dan 40%) dan empat paras lipid (5%, 10%, 15% dan 20%) dan dikodkan seperti Diet A (35P:5L), B (35P:10L), C (35P:15L), D (35P:20L), E (40P:5L), F(40P:10L), G (40P:15L) dan H (40P:20L). Komposisi asid lemak diet-diet kajian ditunjukkan dalam Jadual 3.2.

Dalam Eksperimen 1, serbuk ikan digunakan sebagai sumber protein dalam rumusan diet. Sumber lipid yang digunakan ialah minyak ikan (FO, yang kaya dengan asid lemak ω 3 tinggi tak tepu, ω 3 HUFA) dan minyak jagung (CO, yang tinggi dengan peratusan asid lemak linoleik (C18:2n-6) dengan nisbah minyak haiwan dan minyak tumbuhan sebanyak 1:1, serbuk sotong digunakan sebagai bahan penarik, sumber karbohidrat (“corn starch” dan dextrin), campuran vitamin dan mineral (1:1).

Peratusan kelembapan, protein kasar, lipid, serabut dan abu bagi semua bahan-bahan mentah dikaji dahulu dengan analisis proksimat sebelum pemformulaan makanan diformulasikan. Selepas itu, bahan-bahan mentah tersebut ditimbang mengikut jumlah berat yang diperlukan berdasarkan peratusan sumber protein dan sumber lipid yang dikehendaki.

Jadual 3.1: Bahan mentah dan komposisi proksimat (g kg⁻¹) bagi Eksperimen I diberi kepada anak baung, *M. nemurus* selama 16 minggu.

Tahap protein (%)	35				40			
Tahap lipid (%)	5	10	15	20	5	10	15	20
Kod Diet	A	B	C	D	E	F	G	H
<u>Bahan mentah</u>								
Serbuk ikan ¹	472.00	472.00	472.00	472.00	545.00	545.00	545.00	545.00
Serbuk sotong	60.00	60.00	60.00	60.00	60.00	60.00	60.00	60.00
Minyak jagung	0.00	38.00	75.00	100.00	0.00	30.10	75.00	100.00
Minyak ikan	0.00	0.00	13.00	38.00	0.00	0.00	5.10	30.00
Kanji jagung	221.50	191.50	135.20	80.00	187.50	164.80	109.00	52.50
Dekstrin	221.50	191.50	135.20	80.00	187.50	164.80	109.00	52.50
Campuran Vitamin ²	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
Campuran Mineral ³	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
Selulosa	5.00	27.00	89.60	150.00	5.00	15.30	76.90	140.00
<u>Komposisi proksimat</u>								
Kelembapan	75.90±0.27	78.30±0.14	82.60±0.16	85.40±0.11	75.60±0.33	78.50±0.14	82.80±0.25	86.90±0.28
Protein kasar	361.50±0.57	357.40±0.37	354.60±0.65	351.90±0.33	404.00±0.74	403.50±0.66	410.60±1.04	415.30±0.27
Lipid kasar	52.00 ± 0.26	114.30±0.61	150.00±0.52	213.70±0.57	59.90±0.21	107.00±0.45	150.90±0.99	212.40±0.32
Fiber	36.50 ±0.32	36.80±0.57	46.10±0.11	79.20±0.52	32.20±0.10	35.90±0.13	48.80±0.10	81.30±0.49
Abu	105.10±0.34	104.70±0.41	105.10±0.24	106.90±0.43	107.30±0.71	95.10±1.18	115.90±0.92	115.20±0.56
NFE ⁴	445.00 ±0.18	386.80±0.35	344.20±0.75	248.30±0.70	396.70±0.73	358.50±1.51	273.80±0.25	175.80±0.72
P/E (mg kJ ⁻¹)	21.46±0.32	20.91±0.28	20.91±0.28	20.87±0.29	24.56±0.25	23.89±0.30	23.87±0.27	23.89±0.29
Tenaga kasar (kJ ⁻¹)	1925.04±0.30	1979.06±0.28	1911.63±0.29	2000.85±0.27	1893.10±0.26	1943.72±0.30	1954.01±0.28	1967.99±0.29

¹Serbuk ikan Danish

²Campuran Vitamin kg⁻¹ (ROVIMIX 6288, Roche Vitamins Ltd, Switzyerland): Vit. A 50 million I. U., Vit. D3 10 million I. U., Vit. E 130g, Vit. B1 10g, Vit. B2 25g, Vit. B6 16g, Vit. B12 100mg, Biotin 500mg, Pantothenic acid 56g, Folic acid 8g, Niacin 200g, Anticake 20g, Antioxidant 200mg, Vit. K3 10g and Vit. C 35g.

³Campuran Mineral kg⁻¹: Calcium phosphate (monobasic 397.5g; Calcium lactate 327g; Ferrous sulphate 25g; Magnesium sulfate 137g; Potassium chloride 50g; Sodium chloride 60g; Potassium iodide 150mg; Copper sulphate 780mg; Manganese oxide 800mg; Cobalt carbonate 100mg; Zinc oxide 1.5g and Sodium selenite 20mg.

⁴NFE (Ekstrak bebas nitrogen, karbohidrat) = 100- (Protein + lipid + abu + fiber)

Jadual 3.2: Kandungan asid lemak dalam diet eksperimen yang dibekalkan kepada anak baung *M. nemurus* dengan nisbah protein : lipid yang berbeza.

Asid Lemak (%)	Diet Eksperimen (Nisbah Protein/Lipid)							
	A (35P:5L)	B (35P:10L)	C (35P:15L)	D (35P:20L)	E (40P:5L)	F (40P:10L)	G (40P:15L)	H (40P:20)
SFA								
C14:0	4.46 ± 0.06	3.43 ± 1.93	2.36 ± 0.13	2.41 ± 0.09	4.42 ± 0.19	2.63 ± 1.03	7.86 ± 9.69	1.87 ± 0.27
C16:0	17.55 ± 0.12	19.32 ± 9.33	14.51 ± 1.17	14.76 ± 0.89	17.37 ± 0.68	17.10 ± 6.67	15.22 ± 2.09	13.04 ± 0.31
C18:0	1.54 ± 0.08	2.30 ± 1.17	1.72 ± 0.16	1.77 ± 0.11	1.81 ± 0.07	2.12 ± 0.48	3.10 ± 2.52	1.53 ± 0.17
MUFA								
C16:1n7	8.37 ± 0.27	4.31 ± 0.41	3.87 ± 0.41	3.71 ± 0.11	8.57 ± 0.44	4.28 ± 1.24	2.72 ± 2.23	3.52 ± 0.21
C18:1n9	11.29 ± 0.02	17.97 ± 1.11	18.63 ± 0.97	20.11 ± 0.65	12.68 ± 0.81	24.97 ± 3.60	25.68 ± 14.99	17.80 ± 2.27
C18:1n7	4.96 ± 1.10	4.99 ± 0.76	4.84 ± 0.64	3.64 ± 0.54	5.99 ± 0.78	3.01 ± 2.60	2.65 ± 1.59	3.92 ± 0.03
C20:1n9	10.11 ± 2.24	5.85 ± 1.83	4.45 ± 0.75	3.36 ± 0.23	7.49 ± 0.57	4.36 ± 0.79	3.57 ± 1.13	3.53 ± 0.33
C22:1n11	12.13 ± 0.43	5.44 ± 0.54	4.80 ± 0.86	3.82 ± 0.41	10.95 ± 3.40	3.64 ± 0.45	2.68 ± 2.38	4.00 ± 0.92
PUFA								
C16:2n4	1.29 ± 0.10	0.54 ± 0.07	0.52 ± 0.07	0.42 ± 0.11	2.11 ± 0.34	1.07 ± 0.19	1.20 ± 1.05	0.43 ± 0.03
C16:3n4	0.23 ± 0.04	0.22 ± 0.10	0.14 ± 0.05	0.15 ± 0.03	0.28 ± 0.03	0.20 ± 0.04	0.38 ± 0.49	0.07 ± 0.05
C18:3n4	0.04 ± 0.01	0.46 ± 0.60	1.00 ± 0.89	1.66 ± 0.20	0.11 ± 0.03	0.92 ± 0.80	0.89 ± 0.74	1.33 ± 0.12
ω-3PUFA								
C16:4n3	0.30 ± 0.0	0.22 ± 0.13	0.15 ± 0.02	0.21 ± 0.06	0.32 ± 0.04	0.17 ± 0.05	0.08 ± 0.07	0.11 ± 0.02
C18:3n3	0.42 ± 0.00	0.63 ± 0.19	0.57 ± 0.09	0.69 ± 0.03	0.45 ± 0.04	0.81 ± 0.21	0.70 ± 0.28	0.49 ± 0.10
C18:4n3	1.44 ± 0.28	0.63 ± 0.22	0.52 ± 0.08	0.53 ± 0.08	1.12 ± 0.08	0.64 ± 0.20	0.56 ± 0.16	0.41 ± 0.06
C20:4n3	0.37 ± 0.02	0.26 ± 0.15	0.22 ± 0.04	0.25 ± 0.03	0.33 ± 0.01	0.28 ± 0.09	0.06 ± 0.07	0.09 ± 0.08
C20:5n3	9.48 ± 0.77	4.52 ± 0.40	4.72 ± 0.30	4.49 ± 0.23	10.33 ± 0.84	4.40 ± 1.29	3.10 ± 2.74	4.00 ± 0.15
C22:5n3	0.99 ± 0.01	0.49 ± 0.02	0.65 ± 0.13	0.64 ± 0.18	0.89 ± 0.05	0.78 ± 0.24	0.35 ± 0.30	0.53 ± 0.05
C22:6n3	13.22 ± 1.28	6.70 ± 0.48	6.79 ± 0.56	5.55 ± 0.47	12.36 ± 1.57	5.56 ± 1.71	4.19 ± 3.64	5.69 ± 0.52
ω-6 PUFA								
C18:2n6	1.37 ± 0.03	21.35 ± 14.68	29.30 ± 0.47	31.60 ± 1.06	1.96 ± 0.27	22.82 ± 19.43	20.35 ± 14.95	28.76 ± 3.49
C20:4n6	0.44 ± 0.02	0.34 ± 0.20	0.23 ± 0.03	0.22 ± 0.08	0.46 ± 0.06	0.23 ± 0.05	4.67 ± 7.36	8.89 ± 7.43
Σ SFA¹	23.55 ± 2.73	25.05 ± 12.44	18.60 ± 1.43	18.94 ± 1.07	23.60 ± 0.84	21.84 ± 8.19	26.18 ± 13.15	16.44 ± 0.76
Σ MUFA²	46.86 ± 0.40	38.56 ± 0.72	36.59 ± 1.45	34.65 ± 0.39	45.68 ± 3.16	40.26 ± 6.28	37.29 ± 10.92	32.77 ± 3.37
Σ PUFA³	29.59 ± 1.68	36.39 ± 14.01	44.81 ± 0.78	46.42 ± 0.49	30.71 ± 2.13	37.90 ± 15.20	36.53 ± 23.20	50.79 ± 4.47
Σ ω-3⁴	26.22 ± 1.78	13.47 ± 0.99	13.61 ± 1.14	12.36 ± 0.58	25.80 ± 1.69	12.64 ± 3.79	9.04 ± 6.50	11.31 ± 0.45
Σ ω-6⁵	1.81 ± 0.05	21.69 ± 14.48	29.53 ± 0.44	31.82 ± 0.99	2.41 ± 0.29	23.05 ± 19.37	25.03 ± 18.85	37.65 ± 3.92
ω3 : ω-6	14.50 ± 1.42	0.62 ± 1.39	0.46 ± 0.04	0.39 ± 0.04	10.69 ± 0.71	0.55 ± 13.55	0.36 ± 0.08	0.30 ± 0.02
HUFA⁶	24.50 ± 0.77	12.31 ± 0.15	12.61 ± 0.04	11.15 ± 0.03	24.37 ± 0.06	11.25 ± 0.24	12.37 ± 2.74	19.20 ± 0.52
PUFA/HUFA	1.21 ± 0.05	2.96 ± 0.40	3.55 ± 0.30	4.16 ± 0.49	1.26 ± 0.06	3.37 ± 0.24	2.95 ± 0.28	2.65 ± 0.33

1 Σ SFA: Jumlah asid lemak tepu

2 Σ MUFA: Jumlah asid lemak mono tak tepu

3 Σ PUFA : Jumlah asid lemak poli tak tepu

4 Σ ω-3: Jumlah ω3

5 Σ ω-6: Jumlah ω6

6 Σ HUFA: Jumlah asid lemak tinggi tak tepu

3.2.2 Eksperimen II – Pengaruh Nisbah Asid Lemak $\omega 3$ dan $\omega 6$ Terhadap Tumbesaran dan Komposisi Asid Lemak dalam Isi, Hati dan Kulit pada Anak Baung, *Mystus nemurus*)

Eksperimen ini merupakan lanjutan kepada Eksperimen I di mana paras protein dan lipid ditetapkan apabila keputusan daripada Eksperimen I diperolehi. Sebanyak lima jenis diet separuh tulen yang isonitrogenous dan isokalorik disediakan untuk Eksperimen II.

Sumber protein yang digunakan dalam formulasi diet Eksperimen II ialah serbuk ikan (serbuk ikan Danish) dan casein. Minyak ikan dan minyak jagung digunakan sebagai sumber lipid dalam peratusan (nisbah asid lemak) yang berlainan. Bahan-bahan lain seperti dekstrin, campuran vitamin, campuran mineral, karboksimetil selulosa (CMC) dan selulosa juga dicampurkan. Dekstrin, CMC dan selulosa dibeli dari LiangTraco Pte. Ltd. (Pulau Pinang) sementara campuran vitamin dan mineral dibeli dari Sri Purta Trading Sdn. Bhd. (Kedah). Komposisi bahan-bahan yang digunakan dalam formulasi diet makanan eksperimen ini akan dijalankan analisis proksimat terlebih dahulu. Diet-diet kajian telah dikodkan seperti berikut:

Diet	Nisbah asid lemak ($\omega 3:\omega 6$)
A	1:0.33
B	1:0.5
C	1:1
D	1:2
E	1:3

Jadual 3.3: Kandungan bahan mentah dan komposisi proksimat diet eksperimen yang dibekalkan kepada anak baung selama 16 minggu

Kandungan % berat kering	Diet eksperimen (ω3 :ω6 berat kering)									
	A (1:0.33)		B (1:0.50)		C (1:1)		D (1:2)		E (1:3)	
Serbuk ikan ¹	28.54		28.54		28.54		28.54		28.54	
Kasein	16.75		16.75		16.75		16.75		16.75	
Dextrin	16.47		16.47		16.47		16.47		16.47	
Kanji jagung	16.97		16.97		16.97		16.97		16.97	
Serbuk sotong	6.70		6.70		6.70		6.70		6.70	
Minyak ikan	9.29		7.72		4.85		1.95		0.00	
Minyak jagung	2.25		3.82		6.69		9.59		11.54	
Selulosa	8.97		8.97		8.97		8.97		8.97	
Vitamin mix. ²	2.00		2.00		2.00		2.00		2.00	
Mineral mix ³	2.00		2.00		2.00		2.00		2.00	
Komposisi Proksimat dan kandungan tenaga diet (berdasarkan berat kering, %)										
Kelembapan	5.64	±0.19 ^{ab}	6.51	±0.26 ^{bc}	7.19	±0.05 ^{cd}	7.77	±0.60 ^{cd}	7.38	±0.52 ^{cd}
Protein	36.06	±0.64	34.67	±0.32	36.21	±0.69	35.75	±0.13	36.42	±0.60
Lipid	15.06	±0.65	14.99	±0.57	14.52	±0.47	14.87	±0.11	14.56	±0.43
Serat / fiber	0.11	±0.19	0.00	±0.00	0.00	±0.00	0.00	±0.00	0.52	±0.91
Abu	7.71	±0.04	7.21	±0.33	7.71	±0.10	7.37	±0.32	7.24	±0.46
NFE ⁴	41.06	±1.34	43.13	±0.43	41.55	±1.08	42.01	±0.27	41.26	±0.62
Tenaga kasar (mg/J)	433.71	±3.54	434.10	±4.10	431.57	±3.32	434.05	±1.64	431.80	±5.46

¹Serbuk ikan Danish

²Vitamin Mix kg⁻¹ (ROVIMIX 6288, Roche Vitamins Ltd, Switzyerland): Vit. A 50 million I. U., Vit. D3 10 million I. U., Vit. E 130g, Vit. B1 10g, Vit. B2 25g, Vit. B6 16g, Vit. B12 100mg, Biotin 500mg, Pantothenic acid 56g, Folic acid 8g, Niacin 200g, Anticake 20g, Antioxidant 200mg, Vit. K3 10g and Vit. C 35g.

³Mineral Mix kg⁻¹: Calcium phosphate (monobasic 397.5g; Calcium lactate 327g; Ferrous sulphate 25g; Magnesium sulfate 137g; Potassium chloride 50g; Sodium chloride 60g; Potassium iodide 150mg; Copper sulphate 780mg; Manganese oxide 800mg; Cobalt carbonate 100mg; Zinc oxide 1.5g and Sodium selenite 20mg.

⁴NFE (Ekstrak bebas nitrogen, karbohidrat) = 100- (Protein + lipid + abu + fiber)

3.3 Penyediaan Diet Eksperimen

Cara-cara penyediaan diet Eksperimen I dan II adalah sama. Bahan-bahan mentah kering ditimbang mengikut sukatan dalam Jadual 3.1 dan Jadual 3.2 masing-masing mengikut fasa kajian untuk menghasilkan jumlah berat kering 3.0 kg bagi setiap diet. Campuran vitamin serta minyak yang akan digunakan ditimbang ke dalam bekas yang berlainan sebelum diet eksperimen disediakan.

Campuran vitamin dimasukkan ke dalam mesin pengacau Hobart dan diikuti oleh bahan-bahan mentah lain, kemudian, campuran tersebut digaul selama 45 minit sehingga sekata. Selepas 45 minit, minyak (kandungan mengikut peratusan dalam diet) ditambah sedikit demi sedikit ke dalam campuran dan dibiarkan bergaul dengan campuran selama 20 minit. Seterusnya air suling ditambahkan sedikit demi sedikit ketika mesin masih berfungsi. Isipadu air suling yang digunakan adalah berbeza-beza mengikut jenis diet. Proses pengacauan diteruskan sehingga bahan campuran sekata. Apabila bahan campuran digenggam, ia boleh membentuk ketulan, ia dimasukkan ke dalam mesin pengisar daging untuk menghasilkan diet makanan ikan yang berbentuk rod panjang yang berukuran diameter 2 mm. Diet-diet tersebut kemudiannya dikeringkan pada suhu bilik dengan menggunakan kipas selama semalaman. Diet-diet yang telah dikeringkan dikumpul dan disimpan dalam peti sejuk beku pada suhu -20°C . Diet-diet eksperimen yang dihasilkan itu kemudiannya dipotong dengan menggunakan pisau supaya saiz pelet adalah antara 0.5 – 1.0 cm panjang dan disimpan di dalam peti sejuk sebelum diberikan kepada ikan.

3.4 Pengurusan Ikan dan Corak Eksperimen

Kedua-dua Eksperimen I dan Eksperimen II telah dijalankan dengan menggunakan anak ikan baung (*Mystus nemurus*), yang dibeli dari pembekal di Enggor, Perak.

3.4.1 Pengurusan Ikan

Anak-anak ikan baung, *Mystus nemurus* dimasukkan ke dalam tangki kanvas yang bersaiz 7m x 1m x 0.92m setibanya dari pihak pembekal. Sumber air yang dibekalkan adalah berterusan yang diperolehi dari air paip yang telah dinyahklorinkan dengan disimpan di dalam tangki takungan yang terdedah kepada cahaya matahari dan dibekalkan sistem pengudaraan 24 jam.

Semasa tempoh penyesuaian iaitu selama dua minggu, anak-anak ikan baung diberikan diet komersial sebanyak dua kali sehari supaya anak ikan baung boleh menyesuaikan diri dengan mengambil pelet formulasi sebagai sumber makanan. Selepas tempoh penyesuaian, sebanyak 12 ekor anak ikan baung dengan berat purata badan purata 3 – 4 g dipindahkan secara rawak ke dalam tangki kaca bersaiz 60 cm (panjang) x 30 cm (lebar) x 30 cm (tinggi) yang mengandungi 40 liter air. Jumlah tangki yang digunakan sebanyak 24 buah akuarium digunakan untuk lapan jenis diet eksperimen iaitu tiga replikat untuk setiap diet.

Ikan-ikan baung di dalam akuarium diberi diet eksperimen sebanyak dua kali sehari dengan kadar satiasi iaitu pada jam 9.00 pagi dan 4.00 petang. Setiap tangki eksperimen dibersihkan dan ditukar air setiap hari pada waktu petang, satu jam selepas pemberian makanan. Natrium tiosulfat juga ditambahkan sebagai langkah tambahan bagi menyahklorinkan air. Sistem statik ini dibekalkan sistem pengudaraan yang berterusan selama 24 jam.

Ikan-ikan eksperimen ini ditimbang setiap dua minggu sekali pada hari yang tetap dan jumlah diet eksperimen yang diberikan diubah mengikut berat badan ikan minggu persampelan tersebut. Eksperimen I telah dijalankan selama 16 minggu.

Aspek pengurusan ikan pada Eksperimen II adalah sama dengan Eksperimen I kecuali beberapa perkara seperti berikut:

1. Sepanjang tempoh penyesuaian selama dua minggu, anak-anak ikan baung telah diberikan makan pelet formulasi supaya ikan dapat menyesuaikan diri dengan pelet eksperimen.
2. Sebanyak lapan ekor anak ikan baung dengan berat badan purata 7 – 8 g dipindahkan ke dalam setiap tangki kaca selepas tempoh penyesuaian.
3. Jumlah tangki yang digunakan adalah 21 buah, untuk tujuh jenis diet dengan tiga replikat bagi setiap diet eksperimen.

3.4.2 Pengumpulan Sampel Ikan

Sebelum eksperimen dimulakan, lima ekor ikan telah diambil dan disimpan untuk analisis proksimat dan kandungan asid lemak di dalam otot ikan. Visera dan otot bagi lima ekor ikan yang lain juga diambil serta berat badan, visera dan hati setiap ikan dicatatkan. Selepas berakhirnya eksperimen ini, semua ikan dilaparkan selama 48 jam untuk mengosongkan kandungan di dalam salur makanannya supaya keputusan analisis proksimat badan tidak dipengaruhi oleh makanan dalam salur makanan ikan.

Empat ekor anak ikan baung dari setiap tangki eksperimen diambil dan ditimbang secara individu. Ikan dibunuh (dengan merendam ke dalam ais) dan tisu-tisu terpilih (visera dan otot) dikumpulkan dengan serta merta. Visera ikan diperolehi

dengan memotong salur pencernaan ikan dari bahagian esofagus sehingga ke bahagian anal. Bahagian visera ikan yang dipotong adalah termasuk hati, saluran gastrousus serta lemak badan (Ng *et al.*, 2000). Selepas itu, keseluruhan hati dibedah keluar daripada visera ikan dengan membuang buah hempedu dan pundi-pundi yang terlekat kepadanya. Berat visera serta hati setiap ikan dicatatkan untuk menentukan indeks-indeks keadaan iaitu indeks hepatosomatik (HSI) dan indeks viserosomatik (VSI) dan indeks intraperitoneal (IPF). Tisu otot ikan dihiris dari kedua-dua belah badan setiap ikan (berbentuk kepingan sepanjang 5.0 – 6.0 cm), setelah ikan dibuang kulit. Kesemua tisu hati dan otot dari empat ekor ikan dikumpul dan dimasukkan ke dalam plastik berzip serta disimpan di dalam peti sejuk beku pada suhu – 20°C. Tisu otot digunakan untuk analisis kandungan lipid, asid lemak dan aktiviti enzim lipase. Baki lima ekor yang terdapat dalam tangki kemudiannya disimpan dan disejukkubekukan untuk analisis proksimat.

Keseluruhan badan ikan yang disimpan untuk analisis proksimat akan dipotong menjadi ketulan kecil dan dikeringkan di dalam ketuhar untuk menentukan kandungan kelembapannya terlebih dahulu mengikut kaedah AOAC (1997). Keseluruhan badan ikan yang telah dikeringkan, dikisar sehingga menjadi serbuk sebelum sampel homogen diambil untuk analisis proksimat.

Analisis pengumpulan sampel ikan dalam Eksperimen II adalah sama dengan Eksperimen I.

3.5 Penilaian Parameter-parameter Pertumbuhan Ikan dan Kecekapan Pemakanan

Penilaian parameter pertumbuhan dan kecekapan pemakanan ikan baung, *Mystus nemurus* dalam kedua-dua Eksperimen I dan II adalah ditentukan dengan formula-formula berikut:

Kadar tumbesaran relatif (RGR, %)

$$= \frac{\text{min berat akhir ikan} - \text{min berat awal ikan}}{\text{Min berat awal ikan}} \times 100$$

Kadar tumbesaran spesifik, SGR (% hari)

$$= \frac{\ln \text{ berat akhir ikan} - \ln \text{ berat awal ikan}}{\text{Masa (hari)}} \times 100$$

Pertambahan berat harian (g/hari)

$$= \frac{\text{min berat akhir ikan} - \text{min berat awal ikan}}{\text{Masa (hari)}}$$

Nisbah kecekapan pemakanan, FCR

$$= \frac{\text{jumlah pertambahan berat basah badan, g}}{\text{jumlah berat makanan kering yang diberi, g}}$$

Nisbah kecekapan protein, PER

$$= \frac{\text{jumlah pertambahan berat basah badan, g}}{\text{jumlah protein yang diberi, g}}$$

Penahanan Protein, PR

$$= \frac{(\text{min berat akhir ikan} - \text{min berat awal ikan}) \times \text{CP badan ikan}}{(\text{Jumlah pengambilan makanan} \times \text{CP makanan ikan})} \times 100$$

3.6 Penilaian Penggunaan Nitrogen dan Lipid

Penilaian penggunaan nitrogen dan lipid oleh ikan baung mengikut min berat badan (MBB) sepanjang tempoh kedua-dua Eksperimen I dan II ditentukan dengan

formula-formula berikut (Peres & Olivia-Teles, 1999), yaitu kandungan protein/lipid di dalam diet serta keseluruhan badan ikan telah ditentukan melalui analisis proksimat.

3.6.1 Nitrogen

Pengambilan nitrogen (g/kg MBB/hari)

$$= \frac{(\% \text{ protein dalam diet}) \times (\text{jumlah diet yang diberikan, g})}{(\text{min berat badan, kg}) \times \text{masa (hari)}}$$

Penyimpanan nitrogen (g/kg MBB/hari)

$$= \frac{(\text{berat akhir ikan, g} \times \% \text{protein badan ikan}) - (\text{berat awal ikan, g} \times \% \text{protein badan ikan})}{(\text{min berat badan, kg}) \times \text{masa (hari)}}$$

Penyimpanan nitrogen (sebagai satu fungsi peratusan pengambilan nitrogen)

$$= \frac{\text{Penyimpanan nitrogen (g/kg MBB/hari)}}{\text{Pengambilan nitrogen (g/kg MBB/hari)}}$$

3.6.2 Lipid

Pengambilan lipid (g/kg MBB/hari)

$$= \frac{(\% \text{ lipid dalam diet}) \times (\text{jumlah diet yang diberikan, g})}{(\text{min berat badan, kg}) \times \text{masa (hari)}}$$

Penyimpanan lipid (g/kg MBB/hari)

$$= \frac{(\text{berat akhir ikan, g} \times \% \text{ lipid badan ikan}) - (\text{berat awal ikan, g} \times \% \text{ lipid badan ikan})}{(\text{min berat badan, kg}) \times \text{masa (hari)}}$$

Penyimpanan lipid (sebagai satu fungsi peratusan pengambilan lipid)

$$= \frac{\text{Penyimpanan lipid (g/kg MBB/hari)}}{\text{Pengambilan lipid (g/kg MBB/hari)}}$$

3.7 Penilaian Indeks Keadaan

Penilaian indeks keadaan untuk ikan baung dalam Eksperimen I dan II ditentukan dengan menggunakan formula-formula berikut (Peres & Olivia-Teles, 1999):

Indeks Hepatosomatik (HSI)

$$= \frac{\text{berat hati, g}}{\text{berat badan, g}} \times 100$$

Indeks Viserosomatik (VSI)

$$= \frac{\text{berat visera, g}}{\text{berat badan, g}} \times 100$$

Indeks Lemak Intraperitoneal (IPF)

$$= \frac{\text{lemak intraperitoneal}}{\text{berat badan, g}} \times 100$$

Indeks Keadaan (CF)

$$= \frac{\text{berat ikan, g}}{(\text{panjang piawai, cm})^3} \times 100$$

3.8 Analisis Proksimat

Dalam kedua-dua eksperimen I dan II, analisis proksimat dijalankan ke atas bahan-bahan kandungan diet eksperimen (iaitu serbuk ikan, serbuk sotong, kanji jagung, dextrin dan selulosa untuk Eksperimen I dan bagi Eksperimen II ditambah dengan casein), diet eksperimen, badan ikan sebelum dan selepas eksperimen untuk menentukan kandungan lembapan, protein kasar, lipid kasar abu dan serat. Kandungan ekstrak bebas nitrogen (NFE), iaitu karbohidrat telah ditentukan dengan formula berikut (Ng *et al.*, 2000):

$$\text{Ekstrak bebas nitrogen (NFE)} = 100 - (\% \text{ protein} + \% \text{ lipid} + \% \text{ abu} + \% \text{ serat})$$

Selain itu, penentuan kandungan lipid kasar juga dijalankan ke atas tisu otot ikan baung sebelum dan selepas kajian dalam kedua-dua Eksperimen I dan II. Semua analisis

proksimat dijalankan mengikut kaedah-kaedah biokimia piawai (AOAC, 1997) (Sila rujuk Lampiran 1).

3.9 Analisis Kualiti Air

Sampel air sebanyak 100 mL diambil pada setiap kali hari persampelan dilakukan dan disimpan dalam botol politena berisipadu 150 mL untuk setiap replikat. Selepas itu, sampel-sampel air tersebut terus disejukkbeu dalam peti sejuk beku dan hanya akan dikeluarkan apabila analisis kimia dijalankan.

Parameter kualiti air seperti suhu, kepekatan oksigen terlarut dan pH air di dalam akuarium eksperimen diuji pada hari yang sama dengan hari persampelan ikan. Manakala analisis kimia seperti jumlah ammonia nitrogen, nitrit, nitrat, jumlah nitrogen terlarut dan jumlah fosforus terlarut dijalankan di makmal (Sila rujuk Lampiran C).

Selepas sampel air dikeluarkan dari peti sejuk beku, sampel tersebut dicairkan dalam keadaan suhu bilik.

Ringkasan kaedah analisis air adalah seperti berikut:

- Suhu dan oksigen terlarut: Parameter ini diukur dengan menggunakan meter oksigen terlarut jenis 'YSI Model 55 Handheld Dissolved Oxygen and Temperature System'. Pencelup dicelup terus ke dalam air akuarium dengan kedalaman 10 cm dari dasar akuarium dan bacaan diambil terus daripada meter tersebut (YSI, 1997).
- pH : pH air diukur dengan menggunakan meter pH membran model HI8314 (Hanna Instruments) pada kedalaman 10 cm dari dasar akuarium. Meter pH itu dipiawaikan dengan penimbal berpH 4.0 dan 7.0 terlebih dahulu sebelum digunakan.

3.10 Penentuan Komposisi Asid Lemak dengan Sistem Kromatografi Gas Cecair (GC)

Penentuan komposisi asid lemak sumber lipid, lapan diet eksperimen dan tisu otot ikan telah dijalankan dengan menggunakan Sistem Kromatografi Gas Cecair (GC) dalam Eksperimen I.

Asid-asid lemak hanya boleh dianalisis secara tipikal dalam bentuk metil ester, dengan menggunakan GC kapilari (Christie, 1989). Oleh itu, lipid dari diet-diet eksperimen dan tisu otot ikan baung telah diekstrak terlebih dahulu mengikut kaedah Bligh & Dyer (1959) (Lampiran 2), sebelum diesterifikasikan dengan reagen boron triflorida (BF_3) bermetanol mengikut kaedah saponifikasi-esterifikasi (AOAC, 1990) (Lampiran 3).

Sistem GC dengan peralatan yang digunakan untuk analisis asid lemak adalah:

Kolum analisis –	Omegawax TM 320 (30m x 0.32mm ID, 0.25 μm ketebalan filem) Kolum kapilari fused silica (SUPELCO, Bellefonte, PA)
Pengesan –	Shimadzu GC-14A gas chromatograph
Perakam –	Shimadzu C-R6A chromatopac

Keadaan optimum untuk menentukan komposisi asid lemak dalam sample-sampel ditetapkan seperti berikut:

Injektor – 0.2 μL , split 100:1, 250°C

Detektor – FID (2×10^{-11}), 260°C

Oven – 50°C (2 min) ke 220°C (15 min) pada 4°C/min

Kadar aliran gas helium – 2.0 kgf/cm²

Kadar aliran gas hidrogen – 0.6 kgf/cm²

Tekanan udara 0.3 kgf/cm²

Keadaan perakam ditetapkan seperti berikut:

Kecerunan – 744

Kawasan minimum – 10

Attenuation – 4

Kelajuan – 10

Plot kromatogram piawai boleh diperolehi dengan menggunakan campuran metil ester asid lemak piawai, Supelco 37 Component FAME Mix (10mg/ml dalam metilene klorida) (SUPELCO, Bellefonte, PA). Sampel piawai ini disuntik ke dalam sistem GC sebelum suntikan sampel dilakukan. Kromatogram piawai yang diperolehi digunakan untuk mengenalpasti komposisi-komposisi asid lemak di dalam sampel berdasarkan masa retensinya.

3.11 Lipase

Kaedah yang digunakan dirujuk daripada Borlongan (1990) iaitu pengiraan berpandukan pengukuran penghasilan asid lemak daripada aktiviti hidrolisis oleh trigliserida yang wujud di dalam emulsi minyak zaiton yang stabil. Kaedah asai terdiri

daripada 1.5 mL substrak lipase yang stabil dan larutan penimbal 1.5 mL 0.1 M Tris-HCl pada pH 8.0, yang ditambah kepada 1.0 mL enzim kasar yang telah diekstrak daripada ikan. Campuran asai akan dieramkan selama enam jam pada suhu 37°C, kemudian aktiviti enzim akan dihentikan dengan penambahan 3 mL etil alkohol 95%. Campuran tersebut kemudiannya dititrat dengan menggunakan 0.01 N NaOH dan 0.9% (w/v) thimolphthalein sebagai penunjuk. Kaedah penentuan sampel kawalan (blank) adalah sama kecuali ekstrak enzim kasar dimasukkan ke dalam asai selepas proses inkubasi selama 6 jam dan dititrat dengan segera menggunakan sebatian NaOH piawai. Satu unit aktiviti lipase boleh ditentukan dengan isipadu 0.01 N NaOH yang diperlukan untuk mengneutralkan penghasilan asid lemak semasa proses inkubasi selama 6 jam dengan substrat dan selepas pembetulan sampel kawalan yang bersesuaian.

3.11 Analisis Statistik

Keputusan-keputusan yang diperolehi melalui Eksperimen I diuji dengan menggunakan Analisis Varians Dua Hala manakala Eksperimen II kesemua keputusan diuji dengan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) untuk menentukan kesignifikan min. Ujian Tukey digunakan untuk melihat kesan kesignifikan di antara diet-diet.


BAB 4 KEPUTUSAN

4.1 Eksperimen 1 : Kesan Nisbah Protein Kepada Lipid Terhadap Prestasi Tumbesaran, Komposisi Badan dan Profil Asid Lemak bagi Otot Anak Baung, *Mystus nemurus*

4.1.1. Parameter Tumbuhan dan Kecekapan Pemakanan Anak Baung

Rajah 4.1 menunjukkan prestasi kadar tumbuhan (%) anak ikan baung, *Mystus nemurus* yang dibekalkan kelapan-lapan diet dengan nisbah protein : lipid yang berbeza setiap dua minggu sehingga akhir eksperimen (selama 16 minggu). Sementara Jadual 4.3 menunjukkan prestasi tumbuhan dan kecekapan pemakanan anak-anak ikan baung tersebut.

Merujuk kepada Rajah 4.1, didapati kadar tumbuhan relatif (%) kesemua anak baung adalah hampir sama pada minggu pertama kerana berat kesemua anak baung tidak berbeza secara signifikan ($P>0.05$) ketika awal permulaan kajian dijalankan. Di sepanjang tempoh kajian dijalankan, Diet A (35P:5L) iaitu diet yang mengandungi paras protein dan lemak yang rendah menghasilkan kadar tumbuhan paling rendah berbanding diet-diet lain iaitu $77.06 \pm 9.5\%$. Selain itu, Diet E (40P:5L), Diet F (40P:10L) dan Diet G (40P:15L) juga menunjukkan peratusan kadar tumbuhan yang kurang daripada 80%. Pada akhir persampelan iaitu pada minggu ke-16, didapati pertumbuhan yang paling tinggi berlaku pada anak baung yang dibekalkan Diet D (35P:20L) dan diikuti dengan Diet C (35P:15L). Walau bagaimanapun, tiada perbezaan secara signifikan ($P>0.05$) yang dicatatkan.



Rajah 4.1: Kadar tumbesaran (%) anak baung yang diberi diet dengan nisbah protein : lipid yang berbeza selepas 16 minggu.

Daripada segi prestasi tumbesaran dan kecekapan pemakanan (Jadual 4.1), min berat badan akhir (g), kadar tumbesaran (%), kadar tumbesaran spesifik (SGR,%/hari), dan nisbah kecekapan protein (PER) anak baung yang dibekalkan Diet A (35P:5L)

adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan anak baung yang dibekalkan diet yang selainnya namun tiada perbezaan yang signifikan ($P>0.05$) dicatatkan. Bagi nisbah kecekapan pemakanan (FCR) pula Diet A (35P:5L) memberikan nilai yang paling tinggi. Anak baung yang diberi Diet C (35P:15L) dan Diet D (35P:20L) telah menunjukkan kadar tumbesaran (%) serta nilai-nilai FCR dan PER yang baik. Keputusan ANOVA dua hala menunjukkan, tahap protein yang rendah (35%) memberikan kadar tumbesaran (%) yang lebih baik berbanding tahap protein tinggi (40%). Sebaliknya, tahap lipid yang tertinggi (20%) mencatatkan kadar tumbesaran (%) tertinggi namun, ia tidak berbeza secara signifikan ($P>0.05$) dengan tahap lipid 15%. Ini menunjukkan bahawa berat badan anak ikan baung yang menerima diet yang rendah protein tetapi tinggi lipid mempunyai kadar pertumbuhan yang paling tinggi berbanding yang dibekalkan dengan diet yang tinggi protein dan tinggi lipid. Ini bermakna terdapat kesan simpanan tenaga dalam ikan iaitu ikan boleh menggunakan lipid sebagai sumber tenaga dan sumber protein pula digunakan untuk pertumbuhan.

Nilai-nilai FCR anak ikan baung dalam eksperimen ini dicatatkan antara 1.17 sehingga 1.76 (Jadual 4.1). Semakin tinggi lipid yang dibekalkan dalam diet 35% protein semakin baik nilai FCR yang dihasilkan namun perbezaan ini tidak signifikan ($P>0.05$). Keputusan yang sebaliknya berlaku kepada diet yang mengandungi paras protein yang tinggi (40%) yang menghasilkan nilai FCR semakin baik apabila paras lipid meningkat sehingga 10% tetapi dengan peningkatan peratusan lipid dalam diet telah menyebabkan penggunaan makanan meningkat secara tidak signifikan ($P>0.05$). Bagi nilai PER pula, anak baung yang diberi diet dengan pelbagai nisbah protein : lipid berada dalam lingkungan 1.45 hingga 2.49. Nilai-nilai PER juga mempunyai pola yang sama dengan tren FCR iaitu peningkatan berlaku dengan penambahan lipid pada diet

yang mengandungi nilai protein yang rendah (35%), tetapi kesan perubahannya tidak signifikan ($P > 0.05$). Namun pada diet yang berprotein tinggi (40%) penurunan secara tidak signifikan dalam PER dapat diperhatikan dengan penambahan nilai lipid. Penahanan protein (PR) pada diet 35% protein menunjukkan peningkatan dengan penambahan paras peratusan lipid tetapi perbezaan adalah tidak signifikan ($P > 0.05$) walaupun nilai tertinggi dicatatkan oleh Diet D (35P:40L). Walau bagaimanapun, jika merujuk kepada paras lipid yang sama pada peratusan protein yang tinggi (40%), nilai PR turun secara tidak signifikan ($P > 0.05$). Secara keseluruhannya, peratusan kematian ikan tidak berkaitan dengan diet yang dibekalkan. Merujuk kepada Jadual 4.3, Diet D (35P:20L), Diet E (40P:5L) dan Diet F (40P:15L) mempunyai kadar kemandirian 100%. Kematian anak ikan baung semasa eksperimen telah dicatatkan, pemerhatian dilakukan dan didapati kematian adalah disebabkan oleh tekanan yang berlaku pada ikan selepas persampelan dijalankan. Analisis ANOVA Dua Hala menunjukkan bahawa paras protein mempengaruhi kadar tumbesaran dan SGR secara signifikan ($P < 0.05$) dan sebaliknya berlaku bagi penggunaan pemakanan dan penggunaan protein ($P > 0.05$) manakala paras lipid pula mempengaruhi kadar tumbesaran anak baung secara signifikan ($P < 0.05$). Walaupun demikian, secara keseluruhannya perkaitan antara protein dan lipid tidak nyata dalam eksperimen ini.

Jadual 4.1: Prestasi tumbesaran dan penggunaan nutrisi (berat kering) oleh anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah protein:lipid selama 16 minggu.

Protein (%)	Lipid (%)	Berat awal (g)	FBW (g)	WG (%)	SGR (%)	FCR	PER	PR	Survival (%)
35	5	3.88 ±0.01	6.87 ± 10.94	77.06±9.50	0.64±0.15	1.76±0.22	1.45±0.50	59.10±30.16	94.44
	10	3.89 ±0.01	7.08±10.42	82.50±0.16	0.71±0.10	1.40±0.21	1.85±0.53	75.68±31.19	94.44
	15	3.85 ± 0.01	7.91±9.58	105.45 ±10.99	0.85±0.01	1.25±0.12	1.95±0.42	73.71±24.09	91.67
	20	3.88 ±0.01	8.42±7.86	116.92±16.88	0.92±0.07	1.17±0.18	2.49±0.42	108.53±23.05	100.00
40	5	3.87 ±0.01	6.85±8.15	76.53±17.51	0.67±0.10	1.62±0.44	1.62±0.43	77.28±25.02	100.00
	10	3.88±0.01	6.90±3.06	77.78± 6.58	0.68±0.04	1.37±0.14	1.84±0.18	88.51±10.68	100.00
	15	3.89±0.01	6.92±11.29	78.43±16.65	0.69±0.09	1.60±0.48	1.57±0.57	79.61±33.86	97.22
	20	3.86±0.01	7.26±8.76	87.09±14.95	0.74±0.08	1.56±0.41	1.50±0.52	73.71±29.79	94.44
Tahap Protein (g kg⁻¹)									
350				93.84±21.61 ^m	0.71±0.12 ^m	1.40±0.29	1.94±0.56	79.26±30.01	
400				79.96±13.18 ⁿ	0.60±0.08 ⁿ	1.54±0.35	1.64±0.41	79.78±23.17	
Tahap Lipid (g kg⁻¹)									
50				76.85±12.61 ^a	0.68±0.16	1.69±0.17	1.54±0.43	68.19±26.71	
100				77.62±11.82 ^a	0.59±0.07	1.38±0.12	1.84±0.36	82.10±22.01	
150				91.12±18.77 ^{ab}	0.64±0.08	1.42±0.08	1.76±0.49	76.66±26.48	
200				102.00±21.68 ^b	0.71±0.11	1.36±0.16	2.00±0.69	91.12±30.52	
ANOVA dua hala									
Protein					P<0.03	P<0.01	NS	NS	NS
Lipid					P<0.02	NS	NS	NS	NS
Protein x Lipid					NS	NS	NS	NS	NS

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan (P<0.05)

4.1.2 Indeks Keadaan

Jadual 4.2 menunjukkan indeks heptosomatik (HSI), indeks viserosomatik (VSI), indeks lemak intraperitoneal (IPF) dan indeks keadaan (CF) anak baung yang dibekalkan diet yang berbeza nisbah protein dan lipid. Nilai HSI anak baung yang dibekalkan diet 35% protein berkurang dengan penambahan paras lipid. Walau bagaimanapun tiada perbezaan signifikan ($P > 0.05$) dicatatkan. Pada diet yang mengandungi 40% protein, peningkatan paras lipid dari 5% kepada 10% menunjukkan peningkatan dalam nilai HSI. Ia berkurangan ($P < 0.05$) apabila melebihi paras 10% lipid. Anak baung yang dibekalkan dengan diet tinggi protein dan tinggi lipid didapati mempunyai nilai HSI paling rendah (1.42 ± 0.06) sebaliknya Diet A iaitu diet yang mempunyai kandungan rendah protein dan rendah lipid pula menunjukkan nilai HSI yang paling tinggi (2.29 ± 0.29). Keputusan ANOVA dua hala menunjukkan dengan peningkatan tahap lipid 5% - 20%, indeks HSI berkurang secara signifikan ($P < 0.05$). Pada VSI anak baung pula, tiada perbezaan secara signifikan yang dicatatkan bagi faktor utama dan interaksi pada semua diet yang dibekalkan. Nilai VSI yang terhasil berada dalam lingkungan 1.40 sehingga 2.10 dan anak ikan baung yang dibekalkan Diet B (35P:10L) menunjukkan nilai yang tertinggi. IPF bagi nilai protein 35% meningkat secara signifikan ($P < 0.05$) dengan penambahan pada paras lipid dari 5% kepada 15% dan berlaku perubahan secara marginal apabila meningkat kepada 20% lipid. Diet yang mengandungi paras protein tinggi (40%) pula, perubahan yang berlaku tidak signifikan walaupun dengan penambahan paras lipid di dalam diet. Selain itu, tiada perbezaan yang signifikan ($P > 0.05$) yang dicatatkan antara Diet B (35:10) dan Diet H (40:20). Bagi indeks keadaan (CF), peningkatan secara tidak signifikan berlaku pada diet yang

mempunyai paras protein yang rendah (35%). Nilai CF yang paling tinggi ditunjukkan oleh ikan yang dibekalkan Diet H (40P:20L) iaitu 0.93. Peningkatan secara signifikan ($P < 0.05$) pada CF ditunjukkan seiring dengan peningkatan tahap lipid yang dibekalkan. Secara keseluruhan, paras protein yang dikaji tidak memberikan kesan signifikan bagi semua indeks badan kecuali IPF, sementara paras lipid memberi kesan signifikan ($P < 0.05$) ke atas HSI, IPF dan CF. Interaksi antara paras protein dan lipid yang signifikan hanya boleh dilihat pada indeks IPF.

4.1.3 Penggunaan Nitrogen dan Lipid

Jadual 4.3 menunjukkan keputusan penggunaan nitrogen dan lipid oleh anak ikan baung yang diberi diet dengan nisbah protein : lipid yang berbeza selepas 16 minggu. Pengambilan nitrogen [g/kg MBB (min berat badan)/hari] anak ikan baung yang menerima Diet H (40P:20L) adalah lebih tinggi tetapi tidak berbeza secara signifikan ($P > 0.05$) iaitu 3.11 g/kg MBB/hari berbanding anak ikan baung yang dibekalkan diet-diet yang lain. Sebaliknya Diet D (35P:20L) pula merupakan penyimpan nitrogen yang tertinggi, walau bagaimanapun perbezaan yang tidak signifikan ($P > 0.05$) telah dicatatkan bagi kesemua diet dalam kajian ini. Bagi nilai penyimpanan nitrogen yang dinyatakan sebagai % pengambilan nitrogen dalam anak baung, tiada perbezaan yang signifikan ditunjukkan.

Jadual 4.2: Indeks Hepatosomatik (HSI), Indeks Viserosomatik (VSI), Lemak Intraperitoneal (IPF) dan Indeks Keadaan (CF) anak ikan baung yang diberi diet dengan nisbah paras protein : lipid berbeza selepas 16 minggu

Protein (%)	Lipid (%)	HSI	VSI	IPF	CF
35	5	2.29 ±0.29	1.95±0.47	1.69±1.24 ^a	0.78±0.03
	10	2.19± 0.16	2.10±0.82	2.81±0.66 ^{ab}	0.83±0.05
	15	2.06 ±0.30	1.67±0.33	4.32±0.51 ^b	0.88±0.04
	20	1.59±0.10	1.56±0.30	4.55±1.20 ^b	0.90±0.01
40	5	2.09 ±0.22	1.62±0.29	1.89±0.29 ^a	0.76±0.02
	10	2.20 ±0.11	1.79±1.04	1.42±1.04 ^a	0.85±0.03
	15	1.59 ±0.47	1.40±0.15	1.10±0.15 ^a	0.81±0.10
	20	1.42 ±0.06	1.40±0.88	2.37±0.88 ^{ab}	0.93±0.11
Tahap protein (%)					
35		2.03±0.34	1.82±0.50	3.34±1.47 ^m	0.85±0.06
40		1.83±0.41	1.56±0.28	1.70±0.78 ⁿ	0.84±0.09
Tahap lipid (%)					
	5	2.19±0.25 ^c	1.79±0.41	1.79±0.81 ^a	0.77±0.02 ^a
	10	2.19±0.12 ^c	1.95±0.55	2.11±1.07 ^a	0.84±0.04 ^{ab}
	15	1.82±0.44 ^b	1.54±0.30	2.71±1.80 ^{ab}	0.85±0.08 ^{bc}
	20	1.50±0.11 ^a	1.48±0.27	3.46±1.52 ^b	0.92±0.07 ^c
ANOVA dua hala					
Protein		NS	NS	P<0.00	NS
Lipid		P<0.00	NS	P<0.02	P<0.01
Protein x Lipid		NS	NS	P<0.02	NS

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan (P<0.05).

Jadual 4.3: Penggunaan nitrogen dan lipid oleh anak baung, *Mystus nemurus* yang diberi diet dengan paras protein : lipid yang berbeza selepas 16 minggu.

Protein (%)	Lipid (%)	Pengambilan nitrogen (g/kg MBB/hari)	Penyimpanan nitrogen (g/kg MBB/hari)	Penyimpanan (% pengambilan nitrogen)	Pengambilan lipid (g/kg MBB/hari)	Penyimpanan lipid (g/kg MBB/hari)	Penyimpanan (% pengambilan lipid)
35	5	2.73 ±0.07	2.30 ±0.77	0.84 ±0.29	0.39 ±0.01	0.74 ±0.25	1.90 ±0.66 ^{bc}
	10	2.36 ±0.14	2.47 ±0.56	1.06 ±0.31	0.76 ±0.04	0.74 ±0.17	0.99 ±0.29 ^{ab}
	15	2.37 ±0.11	2.53 ±0.55	1.07 ±0.24	1.00 ±0.05	0.86 ±0.19	0.86 ±0.19 ^a
	20	2.35 ±0.23	3.24 ±0.21	1.39 ±0.24	1.43 ±0.14	1.30 ±0.08	0.92 ±0.16 ^{ab}
40	5	2.94 ±0.39	2.81 ±0.38	0.98 ±0.26	0.43 ±0.06	0.95 ±0.13	2.24 ±0.59 ^c
	10	2.58 ±0.14	2.86 ±0.13	1.11 ±0.11	0.68 ±0.04	0.77 ±0.04	1.13 ±0.11 ^{ab}
	15	2.96 ±0.43	2.75 ±0.69	0.96 ±0.35	1.09 ±0.16	0.81 ±0.21	0.77 ±0.28 ^a
	20	3.11 ±0.54	2.71 ±0.59	0.90 ±0.31	1.59 ±0.28	0.99 ±0.22	0.64 ±0.23 ^a
Tahap protein (%)							
	35	2.45 ±0.21 ^m	2.64 ±0.61	1.09 ±0.31	0.90 ±0.40	0.91 ±0.29	1.17 ±0.55
	40	2.90 ±0.40 ⁿ	2.78 ±0.43	0.90 ±0.31	0.95 ±0.48	0.88 ±0.17	1.20 ±0.72
Tahap lipid (%)							
	5	2.84 ±0.27	2.55 ±0.61	0.91 ±0.26	0.41 ±0.04 ^a	0.85 ±0.21 ^a	2.07 ±0.59 ^b
	10	2.47 ±0.17	2.67 ±0.42	1.09 ±0.21	0.72 ±0.05 ^b	0.76 ±0.11 ^a	1.06 ±0.21 ^a
	15	2.67 ±0.43	2.64 ±0.57	1.02 ±0.27	1.05 ±0.11 ^c	0.83 ±0.18 ^a	0.81 ±0.22 ^a
	20	2.73 ±0.56	2.98 ±0.49	1.15 ±0.37	1.51 ±0.22 ^d	1.15 ±0.23 ^b	0.78 ±0.23 ^a
ANOVA Dua Hala							
Protein		P<0.002	NS	NS	NS	NS	NS
Lipid		NS	NS	NS	P<0.000	P<0.007	P<0.000
Protein x Lipid		NS	NS	NS	NS	NS	P<0.017

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan (P<0.05)

Daripada segi pengambilan lipid (g/kg MBB/hari), dengan peningkatan paras lipid dalam diet, peningkatan secara signifikan ($P < 0.05$) dicatatkan pada kesemua diet yang dibekalkan. Di samping itu, Diet H (40P:20L) menghasilkan nilai pengambilan lipid yang tertinggi iaitu 1.59 g/kg MBB/hari, manakala seperti yang dijangkakan diet yang mempunyai paras rendah protein dan rendah lipid menghasilkan nilai paling rendah iaitu 0.39 g/kg MBB/hari. Pola yang sama boleh dilihat pada penyimpanan lipid (g/kg MBB/hari) bagi diet yang mempunyai paras protein yang rendah (35%) iaitu dengan penambahan pada paras lipid menghasilkan peningkatan dalam penyimpanan lipid. Dalam nilai penyimpanan lipid (% pengambilan lipid) pula, nilai yang paling rendah ditunjukkan oleh anak baung yang dibekalkan Diet H (40P:20L) iaitu 0.64 manakala diet yang mengandungi paras protein yang tinggi tetapi rendah lipid (Diet E; 40P:5L) pula memberikan nilai paling tinggi iaitu 2.24. Peningkatan tahap lipid, menunjukkan pengurangan secara signifikan ($P > 0.05$) dalam % pengambilan lipid. Interaksi antara protein dan lipid bagi penggunaan nitrogen dan lipid secara signifikan ($P < 0.05$) hanya ditunjukkan pada % pengambilan lipid.

4.1.4 Komposisi Proksimat Badan Ikan

Komposisi proksimat badan anak ikan baung, *Mystus nemurus* (berdasarkan % berat kering), sebelum dan selepas eksperimen dijalankan selama 16 minggu ditunjukkan dalam Jadual 4.4. Dapat diperhatikan bahawa berlaku perubahan pengurangan yang ketara tetapi tidak signifikan ($P > 0.05$) pada kelembapan badan anak baung pada diet A (35P:5L) dan B (35P:10L) apabila dibekalkan diet yang mengandungi nisbah protein : lipid yang berbeza. Namun sebaliknya keputusan ANOVA dua hala menunjukkan peningkatan tahap protein dari 35% ke 40% telah menyebabkan peningkatan yang signifikan ($P < 0.05$) pada kelembapan badan ikan. Kandungan protein badan anak baung dipengaruhi oleh paras protein iaitu terdapat peningkatan secara marginal pada kedua-dua paras kandungan protein. Kandungan lipid dalam diet mencerminkan kandungan lipid dalam badan ikan. Peningkatan pengumpulan lipid dalam badan ikan meningkat secara signifikan pada diet rendah protein dengan peningkatan pada peratusan lipid dari 5% kepada 15% dan menurun secara signifikan ($P < 0.05$) pada 20% lipid. Pola yang sama ditunjukkan pada diet yang dibekalkan 40% protein. Analisis statistik ANOVA Dua Hala telah menunjukkan bahawa tahap protein memberi kesan secara signifikan ($P < 0.05$) pada protein dan NFE dalam badan ikan manakala kandungan lipid memberi kesan kepada kesemua komposisi proksimat badan anak baung kecuali komposisi protein badan anak baung. Interaksi antara protein dan lipid menunjukkan perbezaan secara signifikan ($P < 0.05$) pada protein, lipid, abu dan NFE badan anak ikan baung.

Jadual 4.4: Komposisi proksimat badan ikan (% berat yang dikeringkan) oleh anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah protein : lipid selepas 16 minggu

Tahap protein (%)	Tahap Lipid (%)	Kelembapan	Protein	Lipid	Abu	NFE*
Sebelum Eksperimen		9.42	70.79	19.37	6.67	3.78
35	5	7.26 ± 0.18	59.82 ± 0.76 ^{abc}	17.62 ± 0.36 ^{ab}	7.18 ± 0.05 ^a	15.37 ± 1.04 ^c
	10	5.40 ± 0.21	58.65 ± 0.32 ^{abc}	18.90 ± 0.20 ^b	7.77 ± 0.28 ^{abc}	14.68 ± 0.57 ^c
	15	5.89 ± 0.44	55.70 ± 2.89 ^a	22.63 ± 0.17 ^d	8.13 ± 0.13 ^{bcd}	13.54 ± 2.86 ^c
	20	5.22 ± 0.24	56.24 ± 3.08 ^{ab}	20.75 ± 0.22 ^c	8.44 ± 0.19 ^{cd}	14.57 ± 3.36 ^c
40	5	5.47 ± 0.43	60.99 ± 1.72 ^{bc}	16.53 ± 0.70 ^a	7.50 ± 0.35 ^{zb}	14.98 ± 2.39 ^c
	10	6.26 ± 0.16	61.06 ± 0.88 ^{bc}	18.38 ± 1.04 ^b	7.50 ± 0.46 ^{zb}	13.05 ± 1.01 ^{bc}
	15	6.32 ± 0.21	62.76 ± 0.95 ^c	22.68 ± 0.17 ^d	8.26 ± 0.28 ^{cd}	6.30 ± 1.07 ^a
	20	6.11 ± 0.16	62.12 ± 0.47 ^c	21.34 ± 0.42 ^{cd}	8.59 ± 0.16 ^d	7.95 ± 1.03 ^{ab}
Tahap Protein (%)						
35		5.49 ± 0.39 ^m	57.90 ± 2.94 ^m	19.70 ± 2.38	7.96 ± 0.43	14.44 ± 2.23 ^m
40		6.24 ± 0.17 ⁿ	61.75 ± 1.03 ⁿ	20.20 ± 2.07	7.96 ± 0.59	10.09 ± 3.28 ⁿ
Tahap Lipid (%)						
	5	5.83 ± 0.50	59.86 ± 1.45 ^{ab}	18.64 ± 0.73 ^a	7.64 ± 0.37 ^a	13.87 ± 1.16 ^b
	10	6.08 ± 0.36	58.38 ± 3.50 ^a	20.51 ± 2.42 ^b	7.81 ± 0.46 ^{ab}	13.30 ± 1.94 ^{ab}
	15	5.77 ± 0.64	59.50 ± 4.11 ^{ab}	21.72 ± 1.07 ^c	8.35 ± 0.24 ^c	10.43 ± 5.05 ^a
	20	5.79 ± 0.46	61.56 ± 1.29 ^b	18.93 ± 2.68 ^a	8.05 ± 0.65 ^{bc}	11.47 ± 4.19 ^{ab}
Anova 2 hala						
Protein		P<0.000	P<0.000	NS	NS	P<0.000
Lipid		NS	P<0.039	P<0.000	P<0.007	P<0.001
Protein×lipid		NS	P<0.027	P<0.050	P<0.001	P<0.024


Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan (P<0.05)

4.1.5 Komposisi Asid Lemak

Jadual 4.5 menunjukkan komposisi asid lemak otot anak ikan baung yang diberi diet yang mengandungi nisbah protein dan lipid yang berbeza selama 16 minggu. Secara amnya, komposisi asid lemak di dalam tisu otot anak baung tersebut dipengaruhi oleh paras kandungan lipid yang dibekalkan. Minyak ikan amat kaya dengan sumber $\omega 3$ HUFA manakala minyak tumbuhan seperti minyak jagung pula kaya dengan sumber $\omega 6$ terutamanya asid lemak linoleik (C18:2n-6). Dengan demikian, apabila diet yang dirumuskan mengandungi kandungan minyak jagung yang tinggi, diet tersebut akan tinggi dengan komposisi asid lemak C18:2n-6 seperti yang terdapat Diet H (40P:20L ; 35.47) dan diikuti dengan Diet D (35P:20L ; 30.89%). Selain itu, kedua-dua diet ini juga masing-masing mempunyai jumlah asid lemak poli tak tepu yang tinggi iaitu 45.81% dan 40.21%. Diet A (35P:5L) pula mempunyai peratusan komposisi asid lemak MUFA yang tinggi C18:1n-9 iaitu sebanyak 26.83% dan C20:4n-6 (1.18%).

Rajah 4.2 menunjukkan perbandingan di antara komposisi asid lemak bagi diet eksperimen dengan tisu otot anak ikan baung yang diberi diet dalam Eksperimen 1 mengikut pecahan a) asid lemak tepu (SFA), b) mono tak tepu (MUFA), c) asid lemak poli tak tepu (PUFA), d) $\omega 3$ dan e) $\omega 6$. Kandungan SFA bagi otot anak baung selepas menerima diet eksperimen lebih tinggi berbanding anak baung sebelum eksperimen dijalankan kecuali pada Diet D (35P:20L) dan Diet H (40P:20L). Walau bagaimanapun secara umumnya, dapat dilihat bahawa paras SFA dalam otot anak baung berkurang dengan peningkatan paras lipid dalam diet tetapi nilainya masih tinggi ($P < 0.05$) berbanding lipid yang dibekalkan. Peratusan peningkatan pengumpulan SFA sebanyak

10% hingga 15% dicatatkan dalam otot anak baung yang diberi Diet A (35P:5L), Diet B (35P:10L), Diet C (35P:15L) dan Diet E (40P:5L) berbanding diet yang diberikan manakala pada diet-diet lain peningkatan berlaku kurang daripada 5%. Nilai SFA paling rendah wujud apabila berada pada kombinasi tahap lemak tertinggi. Namun ia tidak berbeza dengan yang lain. Keputusan ini sejajar dengan kombinasi nisbah protein : lipid yang menghasilkan kadar tumbesaran yang paling maksimum (Diet D; 35P:20L). Perbezaan yang tidak ketara ditunjukkan antara kandungan MUFA dalam diet dengan otot anak baung (Rajah 4.2) pada kesemua diet yang dibekalkan dan peratusannya lebih rendah berbanding otot anak baung sebelum eksperimen dijalankan. Kandungan PUFA dipengaruhi oleh kandungan lipid iaitu peningkatan paras PUFA dalam diet, menyebabkan berlakunya peningkatan paras PUFA dalam otot anak baung. Walau bagaimanapun, pada setiap diet eksperimen, paras PUFA dalam otot anak baung adalah kurang secara konsisten dengan paras PUFA yang diberi. Paras protein dan lipid dalam diet tidak memberi kesan ($P>0.05$) terhadap pengumpulan asid lemak $\omega 3$ dalam otot anak baung walaupun kuantiti yang tinggi dibekalkan di dalam diet (Diet A; 35P:5L dan Diet E; 40P:5L). Peningkatan paras lipid dalam diet menyebabkan peningkatan dalam kandungan asid lemak $\omega 6$ otot anak baung. Walaupun begitu peratusan asid lemak $\omega 6$ otot anak baung adalah kurang secara relatif berbanding kandungan $\omega 6$ dalam diet kecuali diet yang dibekalkan Diet A (35P:5L) dan Diet E (40P:5L).



Rajah 4.2: Perbandingan kandungan asid lemak (a) tepu, (b) mono tak tepu (c) poli tak tepu (d) $\Sigma\omega3$ (e) $\Sigma\omega6$ pada (■) diet dan (■) otot anak baung yang dibekalkan diet yang berbeza nisbah lipid : protein selepas 16 minggu

Jadual 4.5: Komposisi asid lemak tisu otot ikan baung yang diberi diet yang berbeza nisbah protein dan lipid selama 16 minggu

Asid Lemak (%)	Diet Eksperimen (protein:lipid ratios)									
	Initial	35/5	35/10	35/15	35/20	40/5	40/10	40/15	40/20	
SFA										
C14:0	3.13 ± 0.14	3.45 ± 0.17 ^{bc}	3.41 ± 0.46 ^{bc}	2.97 ± 0.53 ^a	2.24 ± 0.93 ^c	3.92 ± 1.07 ^{bc}	2.40 ± 1.27 ^{bc}	2.49 ± 0.26 ^a	3.09 ± 0.10 ^{bc}	
C16:0	14.4 ± 1.34	28.21 ± 1.24 ^e	23.33 ± 2.33 ^{cd}	23.28 ± 3.61 ^{cde}	16.78 ± 3.90 ^{ab}	28.65 ± 3.62 ^e	19.43 ± 2.44 ^a	20.73 ± 1.57 ^{bc}	15.21 ± 0.70 ^a	
C18:0	3.96 ± 4.57	7.22 ± 0.86 ^{bc}	5.12 ± 0.15 ^{bc}	5.14 ± 0.80 ^{bc}	3.64 ± 0.88 ^{ab}	5.72 ± 0.25 ^{bc}	3.89 ± 1.46 ^{abc}	4.97 ± 1.03 ^{bc}	1.56 ± 0.10 ^a	
MUFA										
C16:1n7	15.68 ± 1.28	5.18 ± 0.86 ^d	3.70 ± 0.37 ^{abc}	3.50 ± 0.38 ^{ab}	2.95 ± 1.07 ^a	5.07 ± 0.68 ^{cd}	3.88 ± 0.72 ^{bcd}	2.88 ± 0.36 ^a	4.42 ± 0.34 ^{bcd}	
C18:1n9	15.71 ± 4.36	26.83 ± 4.7 ^a	21.39 ± 1.52 ^a	20.14 ± 11.86 ^a	14.09 ± 6.72 ^a	16.78 ± 5.80 ^a	21.53 ± 12.36 ^a	23.17 ± 4.91 ^a	25.16 ± 2.26 ^a	
C18:1n7	19.36 ± 0.92	4.39 ± 3.80 ^{abc}	7.96 ± 2.58 ^{bc}	0.00 ± 0.00 ^a	16.01 ± 4.60 ^{abc}	11.95 ± 2.90 ^{ab}	9.64 ± 4.34 ^c	6.31 ± 6.31 ^{abc}	1.38 ± 2.40 ^{ab}	
C20:1n9	2.15 ± 0.78	4.49 ± 0.49 ^{ab}	2.54 ± 0.28 ^{ab}	3.88 ± 1.39 ^{ab}	2.50 ± 0.65 ^a	4.68 ± 1.30 ^b	3.57 ± 4.40 ^{ab}	2.89 ± 0.57 ^{ab}	2.82 ± 0.09 ^{ab}	
C22:1n11	1.35 ± 1.20	1.43 ± 0.77 ^a	1.92 ± 0.22 ^a	1.40 ± 0.37 ^a	1.58 ± 0.30 ^a	1.50 ± 0.19 ^a	1.93 ± 4.50 ^a	1.36 ± 0.15 ^a	2.25 ± 0.07 ^a	
PUFA										
C16:2n4	1.64 ± 0.32	0.53 ± 0.19 ^{ab}	0.60 ± 0.06 ^{ab}	0.31 ± 0.17 ^a	0.78 ± 0.48 ^{ab}	0.74 ± 0.57 ^{ab}	1.42 ± 0.73 ^b	0.69 ± 0.23 ^{ab}	0.50 ± 0.12 ^{ab}	
C16:3n4	0.67 ± 0.37	0.33 ± 0.10 ^a	0.07 ± 0.06 ^a	0.08 ± 0.03 ^a	0.12 ± 0.05 ^a	0.28 ± 0.07 ^a	0.13 ± 0.16 ^a	0.18 ± 0.07 ^a	0.17 ± 0.01 ^a	
C18:3n4	7.02 ± 0.01	0.03 ± 0.05 ^a	0.23 ± 0.19 ^a	0.22 ± 0.24 ^a	0.00 ± 0.00 ^a	0.04 ± 0.07 ^a	0.65 ± 0.35 ^a	0.00 ± 0.00 ^a	0.01 ± 0.01 ^a	
ω-3 PUFA										
C16:4n3	0.00 ± 0.05	0.09 ± 0.15 ^{ab}	0.06 ± 0.05 ^a	0.00 ± 0.00 ^a	0.03 ± 0.05 ^{ab}	0.22 ± 0.16 ^{ab}	0.05 ± 0.06 ^a	0.00 ± 0.00 ^a	0.09 ± 0.08 ^{ab}	
C18:3n3	1.48 ± 1.72	0.39 ± 0.09 ^a	0.27 ± 0.23 ^a	0.54 ± 0.09 ^a	0.48 ± 0.06 ^a	0.28 ± 0.27 ^a	0.48 ± 0.29 ^a	0.50 ± 0.11 ^a	0.60 ± 0.04 ^a	
C18:4n3	0.20 ± 0.20	0.17 ± 0.04 ^a	0.00 ± 0.00 ^a	0.16 ± 0.10 ^a	0.22 ± 0.12 ^a	0.35 ± 0.24 ^a	0.26 ± 1.07 ^a	0.13 ± 0.13 ^a	0.51 ± 0.05 ^a	
C20:4n3	0.00 ± 0.07	0.35 ± 0.07 ^c	0.11 ± 0.09 ^{ab}	0.37 ± 0.09 ^c	0.27 ± 0.15 ^{bc}	0.32 ± 0.09 ^{bc}	0.20 ± 0.23 ^c	0.29 ± 0.03 ^{bc}	0.24 ± 0.02 ^{abc}	
C20:5n3	0.86 ± 0.91	2.26 ± 0.14 ^{ab}	1.62 ± 0.15 ^{ab}	2.21 ± 0.47 ^{ab}	1.58 ± 0.44 ^{ab}	2.56 ± 1.08 ^{ab}	2.53 ± 5.34 ^b	1.61 ± 0.16 ^{ab}	3.75 ± 0.10 ^{ab}	
C22:5n3	0.39 ± 0.46	1.18 ± 0.15 ^{bc}	0.87 ± 0.09 ^{ab}	1.23 ± 0.10 ^c	0.82 ± 0.15 ^{ab}	0.94 ± 0.06 ^{bc}	0.69 ± 0.17 ^{ab}	0.96 ± 0.11 ^{bc}	0.53 ± 0.04 ^a	
C22:6n3	5.93 ± 1.46	7.79 ± 0.87 ^{ab}	5.42 ± 0.50 ^{ab}	7.27 ± 0.91 ^{ab}	4.57 ± 0.83 ^a	8.01 ± 2.00 ^{ab}	5.55 ± 10.06 ^b	6.34 ± 0.55 ^{ab}	4.04 ± 0.29 ^a	
ω-6 PUFA										
C18:2n6	4.91 ± 2.11	4.53 ± 0.55 ^a	18.52 ± 1.91 ^{bc}	26.55 ± 3.64 ^d	30.89 ± 5.55 ^{de}	6.99 ± 5.83 ^a	21.2 ± 8.04 ^a	23.86 ± 2.13 ^{cd}	34.47 ± 1.74 ^e	
C20:4n6	1.15 ± 0.38	1.18 ± 0.21 ^{ef}	0.86 ± 0.09 ^{cde}	0.77 ± 0.11 ^{bcd}	0.45 ± 0.20 ^{ab}	1.02 ± 0.19 ^{def}	0.58 ± 0.05 ^{cd}	0.65 ± 0.18 ^{bc}	0.20 ± 0.02 ^a	
Σ SFA ¹	21.48 ± 5.93	38.87 ± 1.15 ^d	33.86 ± 2.14 ^{cd}	31.39 ± 4.93 ^{bcd}	22.66 ± 5.61 ^{ab}	38.29 ± 4.48 ^d	25.71 ± 2.94 ^{abcd}	28.19 ± 2.51 ^{abc}	19.86 ± 0.89 ^a	
Σ MUFA ²	54.26 ± 6.32	42.31 ± 1.49 ^b	37.52 ± 0.57 ^{ab}	28.91 ± 10.20 ^a	37.12 ± 1.53 ^{ab}	39.97 ± 3.53 ^{ab}	40.55 ± 7.15 ^{ab}	36.61 ± 0.97 ^b	35.02 ± 0.58 ^{ab}	
Σ PUFA ³	24.26 ± 2.18	18.82 ± 0.51 ^a	28.62 ± 1.70 ^{abc}	39.69 ± 5.41 ^{cd}	40.21 ± 4.40 ^{cd}	21.74 ± 2.09 ^{ab}	33.74 ± 8.77 ^{bc}	35.2 ± 1.55 ^{de}	45.12 ± 1.22 ^d	
Σ ω-3 ⁴	8.86 ± 2.34	12.22 ± 0.75 ^a	8.34 ± 0.37 ^a	11.77 ± 1.70 ^a	7.97 ± 1.60 ^a	12.67 ± 3.23 ^a	9.76 ± 17.24 ^a	9.83 ± 0.66 ^a	9.76 ± 0.42 ^a	
Σ ω-6 ⁵	6.07 ± 2.46	5.71 ± 0.72 ^a	19.38 ± 1.82 ^{cd}	27.32 ± 3.75 ^{cd}	31.34 ± 5.39 ^{cd}	8.01 ± 5.68 ^{ab}	21.78 ± 7.98 ^{ab}	24.51 ± 1.95 ^{cd}	34.67 ± 1.76 ^d	
ω3 : ω-6	1.46 ± 0.27	2.14 ± 0.37 ^a	0.44 ± 0.06 ^a	0.43 ± 0.02 ^a	0.25 ± 0.08 ^a	1.58 ± 1.44 ^a	0.50 ± 8.97 ^a	0.40 ± 0.06 ^a	0.26 ± 0.09 ^a	
HUFA ⁶	8.68 ± 0.70	12.76 ± 0.75 ^b	8.88 ± 0.74	11.85 ± 1.66	7.69 ± 1.69 ^a	12.85 ± 3.18 ^b	9.55 ± 0.31	9.85 ± 0.77	8.76 ± 0.33	
PUFA/HUFA	2.79 ± 0.50	1.47 ± 0.08 ^a	3.22 ± 0.44	3.35 ± 0.07	5.23 ± 1.79 ^b	1.69 ± 0.70 ^a	3.53 ± 1.21	3.57 ± 0.41	5.15 ± 0.30 ^b	

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam baris (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan (P<0.05)

1 Σ SFA: Jumlah asid lemak tepu

2 Σ MUFA: Jumlah asid lemak mono tak tepu

3 Σ PUFA : Jumlah asid lemak poli tak tepu

4 Σ ω-3: Jumlah ω3


5 Σ ω-6: Jumlah ω6

6 Σ HUFA: Jumlah asid lemak tinggi tak tepu

Keputusan analisis ANOVA Dua Hala (Jadual 4.6) menunjukkan bahawa protein tidak memberi kesan secara signifikan ($P>0.05$) terhadap pengumpulan asid lemak. Sebaliknya kandungan SFA, MUFA, PUFA dan asid lemak $\omega 6$ dipengaruhi secara signifikan oleh lipid dalam diet eksperimen. Tiada interaksi yang wujud antara protein dan lipid terhadap komposisi asid lemak dalam anak baung.

4.1.6 Aktiviti Lipase

Rajah 4.3 menunjukkan aktiviti lipase ($U\text{ mg}^{-1}$ protein) dalam perut, usus dan hati pada anak baung, *Mystus nemurus* yang dibekalkan diet berbeza nisbah protein dan lipid selepas 16 minggu kajian dijalankan. Aktiviti lipase dalam perut didapati meningkat pada kesemua paras protein dan lipid, namun penurunan yang signifikan ($P<0.05$) berlaku pada diet yang mengandungi paras protein dan lipid yang tinggi (Diet H; 40P:20L). Aktiviti lipase yang paling tinggi dalam perut ditunjukkan pada anak baung yang dibekalkan Diet G (40P:15L) iaitu 6.37 U mg^{-1} protein manakala diet yang mengandungi paras protein dan lipid yang rendah (Diet A; 35P:5L) menghasilkan aktiviti paling rendah iaitu $1.63\text{ (U mg}^{-1}\text{ protein)}$ dan perbezaan yang signifikan ($P<0.05$) dicatatkan. Dalam usus, pada paras protein yang rendah (35%), peningkatan aktiviti lipase berlaku dengan peningkatan paras lipid kecuali pada Diet A (35P:5L) dan perubahan yang tidak ketara dapat dilihat pada paras protein yang tinggi. Walau bagaimanapun, pada paras protein yang tinggi (40%) menunjukkan aktiviti enzim yang lebih tinggi berbanding pada diet yang mengandungi paras protein yang rendah (35%) dan berbeza secara signifikan ($P<0.05$). Keputusan yang berbeza dapat dilihat pada



Rajah 4.3: Aktiviti lipase (U mg^{-1} protein) dalam perut, usus dan hati anak baung yang dibekalkan diet berbeza nisbah protein dan lipid selepas 16 minggu kajian dijalankan. Nilai menunjukkan min \pm SD, daripada tiga replikat. Nilai kolom (parameter-organ) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$)

aktiviti lipase yang dihasilkan dalam hati iaitu, secara keseluruhannya, aktiviti lipase pada paras protein yang rendah lebih tinggi berbanding dengan diet-diet yang mengandungi paras protein yang tinggi ($P < 0.05$). Dalam hati, Diet C (35P:15L) menghasilkan aktiviti lipase yang tertinggi iaitu 7.67 U mg^{-1} protein manakala Diet H (40P:20L) pula menunjukkan aktiviti yang terendah iaitu 2.07 U mg^{-1} protein dan perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$) dicatatkan.

4.1.7 Kualiti Air

Keputusan parameter-parameter kualiti air yang dikaji di dalam eksperimen ini dicatatkan pada Jadual 4.7. Diet yang mengandungi paras protein yang tinggi tetapi rendah lipid (40P:5L) menghasilkan kandungan ammonia yang paling tinggi iaitu 0.39 mg/L manakala diet yang mengandungi paras lipid yang rendah (35%) dan 10% lipid menunjukkan kandungan ammonia yang terendah iaitu 0.18 mg/L . Namun tiada perbezaan yang signifikan ($P > 0.05$) dicatatkan. Bagi nitrit dan fosforus, tiada sebarang perbezaan signifikan ($P > 0.05$) yang tunjukkan pada kesemua diet yang dibekalkan. Bagi nitrat, paras protein menunjukkan perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$). Diet G (40P:15L) menunjukkan kandungan paling tinggi iaitu 6.67 mg/L , sementara Diet B (35P:10L) pula menghasilkan kandungan yang terendah iaitu 4.87 mg/L . Keputusan analisis ANOVA Dua Hala menunjukkan tiada korelasi dicatatkan antara interaksi protein dan lipid pada kesemua parameter kualiti air yang dikaji.

Jadual 4.7: Parameter kualiti air bagi anak baung, *Mystus nemurus* yang diberikan diet yang berbeza nisbah protein dan lipid selepas 16 minggu kajian dijalankan.

Paras Protein (%)	Paras Lipid (%)	Ammonia (mg/L)	Nitrit (mg/L)	Nitrat (mg/L)	Fosforus (mg/L)
35	5	0.30 ±0.25	0.01 ±0.01	5.60 ±0.61	0.08 ±0.04
	10	0.18 ±0.14	0.01 ±0.01	4.87 ±1.34	0.16 ±0.15
	15	0.28 ±0.12	0.02 ±0.01	4.93 ±0.31	0.23 ±0.19
	20	0.33 ±0.24	0.02 ±0.01	6.17 ±0.68	0.32 ±0.21
40	5	0.39 ±0.15	0.02 ±0.01	5.77 ±0.98	0.13 ±0.07
	10	0.37 ±0.16	0.02 ±0.01	6.13 ±1.14	0.24 ±0.24
	15	0.23 ±0.07	0.02 ±0.01	6.67 ±0.71	0.09 ±0.06
	20	0.26 ±0.09	0.02 ±0.01	5.83 ±0.46	0.43 ±0.60
Paras Protein (%)					
35		5.39 ±0.90	0.02 ±0.01	5.39 ±0.90 ^m	0.20 ±0.17
40		6.10 ±0.82	0.02 ±0.01	6.10 ±0.82 ⁿ	0.22 ±0.31
Paras Lipid (%)					
	5	5.68 ±0.74	0.01 ±0.01	5.68 ±0.74	0.11 ±0.06
	10	5.50 ±1.31	0.02 ±0.01	5.50 ±1.31	0.20 ±0.18
	15	5.80 ±1.07	0.02 ±0.01	5.80 ±1.07	0.16 ±0.15
	20	6.00 ±0.55	0.02 ±0.01	6.00 ±0.55	0.38 ±0.40
ANOVA Dua Hala					
Protein		NS	NS	P<0.05	NS
Lipid		NS	NS	NS	NS
Protein×lipid		NS	NS	NS	NS

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan (P<0.05)


4.2 Eksperimen II – Pengaruh Nisbah Asid Lemak ω 3 dan ω 6 Terhadap Tumbesaran dan Komposisi Asid Lemak dalam Isi, Hati dan Kulit pada Anak Baung, *Mystus nemurus*

4.2.1. Parameter Tumbesaran dan Kecekapan Pemakanan Anak Baung

Rajah 4.4 menunjukkan kadar tumbesaran relatif (RGR, %) bagi anak baung, *Mystus nemurus* yang diberi diet yang berbeza nisbah ω 3 : ω 6 selepas kajian dijalankan selama 16 minggu. Diet 1:0.5 telah menunjukkan nilai RGR yang paling baik berbanding diet-diet lain iaitu mencapai $140.07 \pm 11.17\%$, namun tiada perbezaan signifikan ($P > 0.05$) dicatatkan dengan anak baung yang diberi Diet 1:2 dengan peratusan RGR sebanyak $99.82 \pm 12.28\%$. Anak baung yang dibekalkan Diet 1:1 pula menghasilkan pertumbuhan yang paling rendah di antara semua diet di dalam eksperimen ini iaitu hanya mencapai $72.21 \pm 18.97\%$ kadar tumbesaran ($P < 0.05$).

Parameter pertumbuhan seperti kadar tumbesaran (WG), kadar tumbesaran spesifik (SGR), nisbah kecekapan makanan (FCR) dan nisbah kecekapan protein (PER) ditunjukkan dalam Jadual 4.8. Nilai FCR yang paling baik dicapai oleh anak baung yang dibekalkan Diet 1:0.5 iaitu 1.39 dan berbeza secara signifikan dengan diet-diet lain, manakala nilai FCR paling tinggi pula ditunjukkan oleh anak baung yang dibekalkan Diet 1:1 iaitu 2.59 ($P < 0.05$). Bagi PER, Diet 1:0.5 yang telah menunjukkan kadar tumbesaran yang maksimum mempunyai nilai tertinggi iaitu 2.08 manakala Diet 1:1 yang menghasilkan pertumbuhan yang paling minimum pula mempunyai nilai PER paling rendah iaitu 1.03 dan perbezaan secara signifikan dicatatkan ($P < 0.05$). Di sepanjang tempoh eksperimen dijalankan, tiada mortaliti yang berlaku bagi kesemua diet yang dibekalkan.

Rajah 4.4: Kadar tumbesaran relatif (%) anak baung, *Mystus nemurus* yang diberi diet dengan berbeza nisbah $\omega 3 : \omega 6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan.



Jadual 4.8: Prestasi tumbesaran dan penggunaan nutrisi (berat kering) oleh anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah $\omega 3 : \omega 6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan.

Diet	Min berat badan awal (g)	Min berat badan akhir (g)	Kadar tumbesaran (RGR,%)	Kadar tumbesaran spesifik, SGR (%/hari)	Nisbah kecekapan makanan (FCR)	Nisbah kecekapan protein (PER)	Kemandirian (%)
1:0.33	7.72 \pm 0.05	13.77 \pm 1.44 ^c	78.37 \pm 17.66 ^c	0.52 \pm 0.09 ^{ab}	1.57 \pm 0.32 ^{ab}	1.64 \pm 0.35 ^{ab}	100.00
1:0.50	7.70 \pm 0.08	18.48 \pm 0.79 ^a	140.07 \pm 11.74 ^a	0.78 \pm 0.05 ^b	1.39 \pm 0.18 ^a	2.08 \pm 0.30 ^b	100.00
1:1	7.61 \pm 0.09	13.10 \pm 1.30 ^c	72.21 \pm 18.97 ^c	0.48 \pm 0.10 ^c	2.59 \pm 0.68 ^b	1.15 \pm 0.26 ^a	100.00
1:2	7.71 \pm 0.16	15.41 \pm 1.15 ^{ab}	99.82 \pm 12.28 ^{ab}	0.62 \pm 0.06 ^{ab}	1.58 \pm 0.35 ^{ab}	1.87 \pm 0.38 ^b	100.00
1:3	7.64 \pm 0.12	14.43 \pm 1.18 ^{ab}	88.87 \pm 13.05 ^{ab}	0.57 \pm 0.06 ^a	2.22 \pm 0.23 ^{ab}	1.29 \pm 0.14 ^a	100.00

Nilai menunjukkan min \pm SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$)

4.2.2 Indeks Keadaan

Indeks keadaan seperti indeks hepatosomatik (HSI), viserosomatik (VSI), lemak intraperitoneal (IPF) dan faktor keadaan (CF) ditunjukkan dalam Jadual 4.9. Secara keseluruhannya, tiada perbezaan secara signifikan ($P>0.05$) dicatatkan pada diet-diet bagi kesemua indeks dalam eksperimen ini.

Diet 1:1 mempunyai nilai HSI paling tinggi dan diikuti oleh Diet 1:0.5 manakala Diet 1:2 menghasilkan indeks paling rendah iaitu 1.53. Jika diperhatikan, dengan peningkatan nisbah ω_6 dari 0.33 sehingga 1.00 nilai HSI meningkat, namun kemudiannya nilai HSI menunjukkan penurunan apabila nisbah ω_6 melebihi 2.00. Bagi nilai VSI yang paling tinggi pula ditunjukkan dalam Diet C (1:1) iaitu 1.58 dan paling rendah dalam Diet B (1:0.5) iaitu 1.43. Pada indeks lemak intraperitoneal (IPF) juga tidak terdapat perbezaan secara signifikan ($P>0.05$) antara diet. Sekiranya Diet 1:0.5 mempunyai peratusan RGR yang tertinggi, pada IPF iaitu lemak di bahagian intraperitoneal pada Diet 1:0.5 juga menunjukkan nilai yang tertinggi. Anak baung yang paling kurang berlemak di bahagian intraperitoneal ialah pada Diet 1:2. Nilai faktor keadaan (CF) juga tidak menunjukkan sebarang perbezaan. Diet 1:0.5 dan Diet 1:1 berkongsi nilai indeks keadaan (CF) yang tertinggi iaitu 1.55 manakala Diet C menunjukkan nilai terendah 1.49.

Jadual 4.9: Indeks hepatosomatik (HSI), indeks viscerosomatik (VSI), lemak intraperitoneal (IPF) and faktor keadaan (CF) oleh anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah $\omega 3:\omega 6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan.

Diet ($\omega 3:\omega 6$)	HSI	VSI	IPF	CF
1:0.33	1.58 ± 0.28	1.50 ± 0.13	2.61 ± 1.26	1.52 ± 0.07
1:0.5	1.63 ± 0.14	1.43 ± 0.19	3.12 ± 0.63	1.55 ± 0.09
1:1	1.68 ± 0.10	1.58 ± 0.18	2.76 ± 0.34	1.55 ± 0.02
1:2	1.53 ± 0.32	1.54 ± 0.10	2.55 ± 1.03	1.50 ± 0.07
1:3	1.55 ± 0.34	1.52 ± 0.06	3.09 ± 0.46	1.49 ± 0.04

4.2.3 Komposisi Proksimat Badan Ikan

Jadual 4.10 menunjukkan peratusan komposisi proksimat badan anak baung, *Mystus nemurus* yang dibekalkan diet mengandungi nisbah $\omega 3$ dan $\omega 6$ yang berbeza selepas 16 minggu. Peratusan protein dalam isi ikan meningkat dengan peningkatan tahap $\omega 6$ namun tiada perbezaan yang signifikan dicatatkan kecuali pada Diet 1:1 ($P < 0.05$). Diet 1:3 menunjukkan peratusan protein daging ikan yang tertinggi iaitu 69.83% namun tiada perbezaan signifikan ($P > 0.05$) yang dicatatkan kecuali pada Diet 1:1 yang menunjukkan peratusan protein daging ikan yang paling rendah iaitu hanya 66.35%. Bagi lipid, Diet 1:0.5 menghasilkan daging lebih berlemak dan berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) berbanding diet-diet lain iaitu 21.23% manakala Diet 1:2 memberikan peratusan lemak yang paling rendah iaitu 18.38% ($P < 0.05$). Bagi abu, tidak terdapat sebarang perbezaan secara signifikan ($P > 0.05$) bagi ketujuh-tujuh diet eksperimen.

Jadual 4.10: Komposisi proksimat badan ikan (% berat kering) oleh anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah $\omega 3 : \omega 6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan.

Diet ($\omega 3 : \omega 6$)	Protein	Lipid	Ash	NFE
Sebelum eksperimen	65.77	17.58	9.36	7.29
1:0.33	69.28 $\pm 0.32^a$	20.62 $\pm 0.06^{ab}$	10.67 ± 0.15	0.00 ± 0.00
1:0.5	69.36 $\pm 1.19^a$	21.23 $\pm 1.78^a$	10.69 ± 0.43	0.00 ± 0.00
1:1	66.35 $\pm 0.50^b$	18.71 $\pm 1.17^c$	11.31 ± 0.45	3.63 ± 1.30
1:2	69.40 $\pm 0.65^a$	18.38 $\pm 0.38^{bc}$	10.68 ± 0.26	1.54 ± 1.14
1:3	69.83 $\pm 2.68^a$	19.73 $\pm 2.18^{abc}$	10.44 ± 0.45	0.00 ± 0.00

Nilai menunjukkan min \pm SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$)

4.2.4 Komposisi Asid Lemak Otot, Hati dan Kulit

Jadual 4.11, 4.12, 4.13 dan 4.14 menunjukkan keputusan peratusan asid lemak bagi isi, hati dan kulit untuk anak baung selepas 16 minggu kajian dijalankan. Peratusan asid lemak bagi isi, hati dan kulit ikan menggambarkan diet yang dibekalkan kepada anak baung, *Mystus nemurus* untuk eksperimen ini. Seperti pada Eksperimen I, berlaku pengumpulan asid lemak tepu (SFA) yang tinggi pada isi anak baung berbanding diet yang diberikan. Dalam eksperimen ini didapati hati dan kulit juga mempunyai tren yang sama. Merujuk kepada Jadual 4.12, kandungan asid lemak linoleik (C18:2n-6) dalam isi anak baung meningkat dengan peningkatan paras $\omega 6$ dalam diet kecuali pada Diet 1:3. Diet 1:2 pula menunjukkan nilai asid lemak linoleik (C18:2n-6) yang tertinggi iaitu 23.62 dan berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) berbanding dengan diet-diet lain. Di samping itu, Diet 1:2 juga menunjukkan tahap asid lemak linolenik (C18:3n-3) yang tertinggi iaitu 0.93 ($P < 0.05$). Namun, bagi asid lemak linolenik (C18:3n-3) pula, tiada tren yang ditunjukkan. Pada Diet 1:3 pengumpulan SFA paling tinggi dalam isi anak baung iaitu 2 kali ganda daripada SFA diet yang dibekalkan. Berbeza pula dengan asid lemak mono tak tepu (MUFA), didapati peratusannya berkurang dalam isi ikan kecuali pada Diet 1:1 berbanding diet yang diberikan, namun tiada perbezaan yang signifikan ($P > 0.05$) dicatatkan. Secara keseluruhannya, kandungan asid lemak poli tak tepu (PUFA) dalam isi ikan meningkat dan Diet 1:0.33 berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) dengan diet-diet lain. Merujuk Rajah 4.5a, didapati peratusan pengumpulan asid lemak PUFA dalam isi ikan pada Diet 1:0.5, Diet 1:1 dan Diet 1:3 adalah kurang berbanding diet yang dibekalkan.

Jadual 4.11: Kandungan asid lemak dalam diet ikan baung yang diberi diet dengan paras $\omega 3 : \omega 6$ berlainan selama 16 minggu.

Asid lemak (%)	Diet Eksperimen ($\omega 3 : \omega 6$ berat kering)					
	1:0.33	1:0.5	1:1	1:2	1:3	
C14:0	3.76 ± 1.19 ^b	2.30 ± 0.29 ^{ab}	1.47 ± 0.15 ^a	2.48 ± 0.23 ^{ab}	1.61 ± 0.17 ^a	
C16:0	14.25 ± 2.62	12.47 ± 8.98	15.64 ± 0.41	13.12 ± 0.65	13.27 ± 0.87	
C16:1n7	6.32 ± 2.85 ^b	2.83 ± 0.33 ^{ab}	2.34 ± 0.03 ^a	3.42 ± 0.33 ^{ab}	2.13 ± 0.32 ^a	
C16:2n4	1.08 ± 0.08 ^c	0.75 ± 0.18 ^b	0.67 ± 0.21 ^b	0.30 ± 0.03 ^a	0.30 ± 0.06 ^a	
C16:3n4	0.54 ± 0.17 ^{ab}	0.57 ± 0.16 ^{ab}	0.72 ± 0.25 ^b	0.28 ± 0.02 ^a	0.16 ± 0.06 ^a	
C16:4n3	2.95 ± 4.31	2.20 ± 3.35	4.98 ± 0.57	0.19 ± 0.02	0.13 ± 0.05	
C18:0	1.68 ± 1.45	3.97 ± 3.46	0.23 ± 0.40	2.53 ± 0.14	2.36 ± 0.30	
C18:1n9	17.06 ± 0.17 ^a	19.36 ± 1.72 ^{ab}	20.10 ± 0.47 ^b	22.75 ± 0.71 ^c	24.65 ± 1.00 ^c	
C18:1n7	3.85 ± 0.89 ^{ab}	3.01 ± 0.44 ^{ab}	2.07 ± 0.30 ^a	4.02 ± 1.81 ^{ab}	4.74 ± 0.67 ^b	
C18:2n6	5.42 ± 5.43 ^a	14.62 ± 2.05 ^b	23.14 ± 0.85 ^c	23.20 ± 1.49 ^c	30.98 ± 0.33 ^d	
C18:3n4	0.21 ± 0.02 ^a	0.38 ± 0.12 ^a	0.80 ± 0.24 ^b	0.09 ± 0.06 ^a	0.18 ± 0.07 ^a	
C18:3n3	0.82 ± 0.10	0.83 ± 0.20	0.93 ± 0.35	0.97 ± 0.04	0.87 ± 0.16	
C18:4n3	1.68 ± 0.98 ^b	0.64 ± 0.08 ^{ab}	0.45 ± 0.05 ^a	1.07 ± 0.16 ^{ab}	0.77 ± 0.08 ^{ab}	
C20:1n9	8.62 ± 2.32 ^b	6.25 ± 0.45 ^{ab}	4.95 ± 2.59 ^{ab}	7.24 ± 0.42 ^{ab}	4.28 ± 0.60 ^a	
C20:4n6	0.67 ± 0.28 ^{ab}	0.97 ± 0.05 ^b	1.08 ± 0.43 ^b	0.31 ± 0.04 ^a	0.27 ± 0.05 ^a	
C20:4n3	1.00 ± 0.17 ^b	0.92 ± 0.13 ^b	0.93 ± 0.32 ^b	0.36 ± 0.11 ^a	0.20 ± 0.06 ^a	
C20:5n3	7.66 ± 3.54 ^b	3.93 ± 0.22 ^{ab}	2.14 ± 0.15 ^a	3.82 ± 1.11 ^{ab}	3.44 ± 0.79 ^{ab}	
C22:1n11	7.37 ± 2.23 ^{bc}	4.37 ± 0.51 ^{ab}	2.34 ± 0.39 ^a	7.76 ± 1.04 ^c	4.10 ± 0.66 ^a	
C22:5n3	1.69 ± 0.38 ^{ab}	2.49 ± 0.30 ^b	2.76 ± 0.99 ^b	0.83 ± 0.09 ^a	0.64 ± 0.04 ^a	
C22:6n3	13.35 ± 2.29 ^b	17.13 ± 2.41 ^b	12.24 ± 1.78 ^b	5.26 ± 1.46 ^a	4.94 ± 0.86 ^a	
SFA	19.70 ± 0.02 ^{bc}	18.74 ± 6.89 ^c	17.35 ± 0.29 ^a	18.13 ± 0.97 ^{ab}	17.24 ± 0.75 ^a	
MUFA	43.23 ± 8.14 ^{ab}	35.83 ± 3.43 ^b	31.81 ± 3.05 ^a	45.19 ± 2.64 ^b	39.90 ± 2.29 ^{ab}	
PUFA	8.08 ± 5.26 ^a	17.15 ± 2.24 ^b	26.26 ± 1.86 ^{cd}	24.84 ± 1.45 ^c	32.48 ± 0.41 ^d	
w3	28.14 ± 2.35 ^d	27.23 ± 1.80 ^b	23.51 ± 1.73 ^c	12.15 ± 2.79 ^a	10.77 ± 1.70 ^a	
w6	6.10 ± 5.71 ^a	15.58 ± 2.11 ^b	24.22 ± 1.12 ^c	23.51 ± 1.45 ^c	31.25 ± 0.29 ^d	
w3/w6	7.19 ± 4.12 ^a	1.77 ± 0.24 ^b	0.97 ± 0.09 ^b	0.52 ± 0.16 ^b	0.34 ± 0.06 ^b	
HUFA	28.99 ± 2.89 ^c	28.28 ± 1.89 ^b	24.58 ± 2.28 ^c	11.84 ± 2.90 ^{ab}	10.38 ± 1.81 ^a	
PUFA/HUFA	0.27 ± 0.15 ^a	0.61 ± 0.07 ^{ab}	1.07 ± 0.12 ^b	2.19 ± 0.58 ^c	3.20 ± 0.60 ^d	

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam baris (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan (P<0.05)

1 Σ SFA: Jumlah asid lemak tepu

2 Σ MUFA: Jumlah asid lemak mono tak tepu

3 Σ PUFA: Jumlah asid lemak poli tak tepu

4 Σ ω -3: Jumlah ω 3

5 Σ ω -6: Jumlah ω 6

6 Σ HUFA: Jumlah asid lemak tinggi tak tepu

Jadual 4.12: Komposisi asid lemak dalam isi ikan baung yang diberi diet dengan paras $\omega 3 : \omega 6$ berlainan selama 16 minggu.

Asid lemak (%)	Diet Eksperimen ($\omega 3 : \omega 6$)				
	1:0.33	1:0.5	1:1	1:2	1:3
C14:0	2.10 ± 0.10 ^{cd}	2.25 ± 0.31 ^d	1.75 ± 0.02 ^{bc}	1.31 ± 0.08 ^a	1.37 ± 0.15 ^{ab}
C16:0	16.50 ± 0.97	12.11 ± 8.63	16.94 ± 1.19	16.41 ± 1.38	15.40 ± 0.63
C16:1n7	2.84 ± 0.08	2.77 ± 0.34	2.63 ± 0.45	2.54 ± 0.21	1.94 ± 1.71
C16:2n4	0.61 ± 0.41	0.74 ± 0.17	0.39 ± 0.16	0.43 ± 0.05	0.77 ± 0.42
C16:3n4	0.37 ± 0.09	0.56 ± 0.16	0.31 ± 0.02	0.36 ± 0.14	0.48 ± 0.39
C16:4n3	6.03 ± 1.15 ^b	2.08 ± 3.14 ^{ab}	0.11 ± 0.04 ^a	0.17 ± 0.04 ^a	2.29 ± 3.68 ^{ab}
C18:0	6.12 ± 1.25	5.97 ± 0.43	5.18 ± 0.61	5.41 ± 0.48	13.71 ± 3.01
C18:1n9	17.31 ± 1.46 ^a	18.99 ± 1.99 ^{ab}	20.79 ± 0.42 ^{ab}	20.33 ± 1.67 ^{ab}	14.27 ± 5.93 ^b
C18:1n7	2.71 ± 0.17 ^b	2.95 ± 0.48 ^b	2.39 ± 0.23 ^b	2.41 ± 0.15 ^b	7.19 ± 0.35 ^a
C18:2n6	11.24 ± 0.39 ^a	14.36 ± 2.40 ^{ab}	19.67 ± 1.53 ^{bc}	23.62 ± 2.97 ^c	16.85 ± 4.29 ^c
C18:3n4	0.20 ± 0.03 ^a	0.37 ± 0.11 ^{ab}	0.32 ± 0.08 ^{ab}	0.44 ± 0.13 ^b	0.36 ± 0.13 ^{ab}
C18:3n3	0.67 ± 0.02 ^{ab}	0.82 ± 0.22 ^{ab}	0.61 ± 0.06 ^a	0.93 ± 0.22 ^b	0.78 ± 0.13 ^{ab}
C18:4n3	0.45 ± 0.05 ^{ab}	0.63 ± 0.10 ^b	0.29 ± 0.02 ^a	0.35 ± 0.10 ^a	0.25 ± 0.09 ^a
C20:1n9	6.07 ± 0.52 ^c	6.13 ± 0.52 ^c	4.86 ± 0.19 ^{bc}	4.01 ± 0.89 ^b	2.27 ± 0.49 ^a
C20:4n6	0.89 ± 0.16 ^a	0.95 ± 0.08 ^a	0.81 ± 0.06 ^a	0.97 ± 0.15 ^a	1.60 ± 0.20 ^b
C20:4n3	0.89 ± 0.18	0.91 ± 0.16	0.62 ± 0.06	1.17 ± 0.82	1.86 ± 2.02
C20:5n3	3.49 ± 0.18	3.85 ± 0.35	2.48 ± 0.26	2.77 ± 0.46	6.01 ± 5.97
C22:1n11	4.43 ± 0.20 ^c	4.29 ± 0.59 ^{bc}	3.67 ± 0.49 ^{bc}	2.77 ± 0.95 ^{ab}	1.22 ± 0.46 ^a
C22:5n3	1.98 ± 0.19 ^{bc}	2.45 ± 0.36 ^b	1.77 ± 0.15 ^b	1.51 ± 0.10 ^{ab}	1.11 ± 0.22 ^a
C22:6n3	15.09 ± 0.77 ^{bc}	16.84 ± 2.84 ^c	14.43 ± 1.25 ^{ab}	12.10 ± 1.75 ^{ab}	10.29 ± 1.49 ^a
SFA	24.72 ± 1.00	20.33 ± 7.99	23.86 ± 1.52	23.13 ± 1.13	30.47 ± 14.52
MUFA	33.36 ± 2.11	35.13 ± 3.91	34.34 ± 1.14	32.05 ± 2.68	30.20 ± 6.74
PUFA	13.08 ± 0.28 ^a	16.85 ± 2.64 ^{ab}	21.30 ± 1.45 ^{bc}	25.78 ± 2.96 ^c	26.10 ± 3.79 ^c
w3	28.61 ± 1.53 ^c	27.57 ± 1.61 ^{bc}	20.31 ± 1.51 ^{ab}	18.99 ± 1.35 ^a	22.59 ± 6.69 ^{abc}
w6	12.13 ± 0.46	15.31 ± 2.49	20.48 ± 1.48	24.59 ± 2.82	18.44 ± 14.59
w3/w6	2.36 ± 0.15	1.83 ± 0.24	1.00 ± 0.14	0.78 ± 0.12	3.76 ± 4.90
HUFA	28.83 ± 1.66 ^b	27.70 ± 1.75 ^{ab}	20.50 ± 1.59 ^{ab}	19.04 ± 1.19 ^a	23.41 ± 6.63 ^{ab}
PUFA/HUFA	0.45 ± 0.02 ^a	0.61 ± 0.07 ^{ab}	1.05 ± 0.14 ^{abc}	1.36 ± 0.22 ^{bc}	1.20 ± 0.47 ^c

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam baris (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$)

1 Σ SFA: Jumlah asid lemak tepu



2 Σ MUFA: Jumlah asid lemak mono tak tepu

3 Σ PUFA: Jumlah asid lemak poli tak tepu

4 Σ ω -3: Jumlah ω 3

5 Σ ω -6: Jumlah ω 6

6 Σ HUFA: Jumlah asid lemak tinggi tak tepu



Rajah 4.5a: Perbandingan kandungan (a) asid lemak tepu dan (b) mono tak tepu pada diet, otot, hati dan kulit anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah $\omega 3 : \omega 6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan

Jadual 4.13 menunjukkan kandungan asid lemak dalam hati ikan baung. Secara keseluruhannya, asid lemak C18:2n-6 meningkat dengan peningkatan $\omega 6$ dalam diet yang diberikan. Peningkatan yang paling ketara ialah pada ikan yang dibekalkan Diet 1:0.33 iaitu peningkatan sehingga 94% daripada diet yang dibekalkan. Bagi asid lemak C18:3n-3 pula, walaupun peningkatan paras C18:3n-3 dalam hati ikan baung, namun pengurangan dalam pengumpulan asid lemak tersebut berlaku jika dibandingkan dengan kandungan C18:3n-3 dalam diet yang diberikan, kecuali pada ikan yang diberi Diet 1:3, peningkatan sebanyak 33.3% dicatatkan. Walau bagaimanapun, tiada perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$) yang dicatatkan. Diet 1:0.33 iaitu 32.63 mencatatkan nilai SFA paling tinggi pada hati ikan baung dan berbeza secara signifikan ($P < 0.05$). Peratusan MUFA pada Diet 1:0.5 adalah yang tertinggi dalam hati ikan dan berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) dengan kesemua diet. Diet 1:3 pula mempunyai kandungan PUFA yang tertinggi dan perbezaan yang signifikan dicatatkan. Merujuk Rajah 4.5b, peratusan asid lemak PUFA pada Diet 1:0.33 dalam hati meningkat dua kali ganda daripada diet yang diberikan.

Jadual 4.13: Komposisi asid lemak dalam hati ikan baung yang diberi diet dengan paras $\omega 3 : \omega 6$ berlainan selama 16 minggu.

Asid lemak (%)	Diet Eksperimen ($\omega 3 : \omega 6$)				
	1:0.33	1:0.5	1:1	1:2	1:3
C14:0	2.86 ± 0.16 ^d	2.65 ± 0.52 ^{cd}	2.03 ± 0.16 ^{bc}	1.41 ± 0.17 ^{ab}	1.10 ± 0.18 ^a
C16:0	25.17 ± 2.34	18.71 ± 13.53	20.87 ± 1.27	20.69 ± 3.30	18.92 ± 2.38
C16:1n7	4.06 ± 0.57 ^b	4.46 ± 0.97 ^b	3.11 ± 0.23 ^{ab}	2.20 ± 0.19 ^a	1.63 ± 0.56 ^a
C16:2n4	0.73 ± 0.34 ^b	0.46 ± 0.13 ^{ab}	0.41 ± 0.08 ^{ab}	0.40 ± 0.09 ^{ab}	0.33 ± 0.19 ^a
C16:3n4	0.38 ± 0.04 ^c	0.36 ± 0.08 ^{bc}	0.27 ± 0.02 ^{ab}	0.26 ± 0.03 ^{ab}	0.24 ± 0.08 ^a
C16:4n3	0.16 ± 0.03 ^a	4.27 ± 0.48 ^b	0.06 ± 0.10 ^a	0.09 ± 0.02 ^a	3.31 ± 3.07 ^{ab}
C18:0	4.60 ± 1.00 ^b	0.00 ± 0.00 ^a	0.02 ± 0.04 ^a	0.00 ± 0.00 ^a	0.00 ± 0.00 ^a
C18:1n9	26.06 ± 2.56 ^b	34.05 ± 0.82 ^a	3.51 ± 0.82 ^a	3.68 ± 1.16 ^a	16.33 ± 1.55 ^a
C18:1n7	2.74 ± 0.50 ^a	1.33 ± 6.95 ^b	31.68 ± 0.39 ^b	31.73 ± 1.65 ^b	10.31 ± 7.91 ^b
C18:2n6	10.52 ± 0.78 ^a	14.40 ± 3.18 ^{ab}	22.94 ± 1.38 ^{bc}	25.91 ± 6.45 ^{cd}	33.42 ± 1.06 ^d
C18:3n4	0.41 ± 0.05 ^a	0.24 ± 0.04 ^a	0.56 ± 0.05 ^{ab}	1.12 ± 0.39 ^b	2.04 ± 0.24 ^c
C18:3n3	0.54 ± 0.04	0.58 ± 0.18	0.64 ± 0.04	0.46 ± 0.08	1.16 ± 1.02
C18:4n3	0.19 ± 0.03	0.21 ± 0.08	0.26 ± 0.03	0.16 ± 0.04	0.24 ± 0.09
C20:1n9	8.38 ± 0.66 ^d	8.08 ± 1.61 ^{cd}	5.97 ± 0.29 ^{bc}	3.96 ± 0.43 ^{ab}	2.86 ± 0.30 ^a
C20:4n6	1.10 ± 0.43	0.47 ± 0.16	0.51 ± 0.09	0.66 ± 0.29	1.09 ± 0.71
C20:4n3	0.58 ± 0.11 ^b	0.58 ± 0.13 ^b	0.50 ± 0.05 ^{ab}	0.26 ± 0.07 ^a	0.23 ± 0.18 ^a
C20:5n3	1.42 ± 0.47 ^b	0.89 ± 0.11 ^{ab}	1.00 ± 0.16 ^{ab}	0.61 ± 0.07 ^a	0.49 ± 0.27 ^a
C22:1n11	2.26 ± 0.39 ^c	2.17 ± 0.35 ^c	1.93 ± 0.33 ^{bc}	1.21 ± 0.26 ^{ab}	0.85 ± 0.21 ^a
C22:5n3	1.27 ± 0.34	0.84 ± 0.22	0.94 ± 0.18	0.68 ± 0.15	0.68 ± 0.66
C22:6n3	6.56 ± 1.90 ^b	5.26 ± 1.73 ^{ab}	2.79 ± 2.33 ^a	4.54 ± 0.75 ^{ab}	4.77 ± 1.35 ^{ab}
SFA	32.63 ± 2.93 ^b	21.36 ± 13.01 ^{ab}	22.92 ± 1.09 ^a	22.11 ± 3.46 ^a	20.02 ± 2.56 ^a
MUFA	43.50 ± 1.65 ^{ab}	50.09 ± 8.98 ^{ab}	46.21 ± 0.31 ^b	42.76 ± 2.73 ^{ab}	31.98 ± 8.54 ^a
PUFA	12.58 ± 1.02 ^a	16.04 ± 3.46 ^{ab}	24.82 ± 1.32 ^b	28.14 ± 6.44 ^{bc}	37.18 ± 0.62 ^c
w3	10.72 ± 2.85	12.62 ± 2.06	6.18 ± 2.33	6.79 ± 0.80	10.87 ± 6.22
w6	11.62 ± 0.82 ^a	14.86 ± 3.04 ^{ab}	23.44 ± 1.42 ^c	26.56 ± 6.35 ^{bc}	34.51 ± 0.52 ^c
w3/w6	0.92 ± 0.18 ^c	0.87 ± 0.23 ^{bc}	0.27 ± 0.11 ^a	0.27 ± 0.07 ^a	0.32 ± 0.19 ^{ab}
HUFA	11.28 ± 2.81	12.51 ± 2.05	6.05 ± 2.23	6.99 ± 1.18	10.81 ± 5.86
PUFA/HUFA	1.14 ± 0.17 ^a	1.30 ± 0.32 ^{ab}	4.65 ± 2.25 ^c	4.13 ± 1.30 ^{bc}	4.13 ± 1.98 ^{bc}

Nilai menunjukkan min ±SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam baris (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$)

1 Σ SFA: Jumlah asid lemak tepu



4 Σ ω -3: Jumlah ω 3

2 Σ MUFA: Jumlah asid lemak mono tak tepu

5 Σ ω -6: Jumlah ω 6

3 Σ PUFA : Jumlah asid lemak poli tak tepu

6 Σ HUFA: Jumlah asid lemak tinggi tak tepu



Rajah 4.5b: Perbandingan kandungan (c) poli tak tepu dan (d) $\Sigma\omega_3$ dalam diet, otot, hati dan kulit anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah $\omega_3 : \omega_6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan

Jadual 4.14 menunjukkan komposisi asid lemak yang hadir pada kulit ikan baung selepas 16 minggu kajian dijalankan. Seperti keputusan yang ditunjukkan pada kandungan asid lemak C18:2n-6 pada isi ikan dan hati, kulit juga menunjukkan tren yang sama iaitu peningkatan paras C18:2n-6 seiring dengan penambahan kandungan ω 6 yang terkandung dalam diet. Diet 1:3 mencatatkan kandungan C18:2n-6 yang tertinggi iaitu 29.17 ($P < 0.05$) manakala Diet 1:0.33 pula menunjukkan kandungan yang paling rendah iaitu 13.39. Bagi SFA pada kulit ikan baung, Diet 1:0.33 mencatatkan kandungan yang paling tinggi iaitu 29.08 dan perbezaan yang signifikan dicatatkan. Secara keseluruhannya, pengumpulan SFA pada kulit ikan baung berkurang dengan peningkatan paras ω 6 yang dibekalkan di dalam diet. Merujuk Rajah 4.5b, komposisi PUFA dalam kulit ikan baung meningkat seiring dengan peningkatan paras ω 6 dalam diet dan Diet 1:3 mencatatkan nilai tertinggi iaitu 31.19% dan berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) dengan diet lain (Jadual 4.14).

Merujuk Rajah 4.5b, kandungan asid lemak ω 3 dalam isi ikan baung meningkat daripada diet yang dibekalkan kecuali pada diet 1:1. Walaupun begitu, berbeza pula yang berlaku pada hati dan kulit, secara keseluruhannya, peratusan asid lemak ω 3 berkurangan, pada Diet 1:0.33 dan 1:0.5 berkurang sebanyak separuh daripada kuantiti asid lemak ω 3 dalam diet. Tren asid lemak ω 6 pula bersamaan dengan corak yang dihasilkan pada asid lemak PUFA (Rajah 4.5a dan Rajah 4.5b). Kandungan Diet 1:0.33 asid lemak ω 6 dalam otot berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) berbanding diet-diet lain. Peratusan asid lemak HUFA lebih tinggi dalam otot berbanding hati dan kulit anak baung dalam Eksperimen II. Kandungan HUFA dalam otot pada Diet 1:0.33 meningkat dua kali ganda daripada diet yang diberikan (Rajah 4.5c).

Jadual 4.14: Komposisi asid lemak dalam kulit ikan baung yang diberi diet dengan paras $\omega 3 : \omega 6$ berlainan selama 16 minggu.

Asid lemak (%)	Diet Eksperimen ($\omega 3 : \omega 6$ berat kering)									
	1:0.33		1:0.5		1:1		1:2		1:3	
C14:0	3.24	$\pm 0.17^d$	2.59	$\pm 0.15^c$	1.77	$\pm 0.31^b$	1.54	$\pm 0.06^{ab}$	1.23	$\pm 0.17^a$
C16:0	20.47	$\pm 0.23^b$	18.16	$\pm 0.67^{ab}$	17.47	$\pm 3.84^{ab}$	16.97	$\pm 0.24^a$	16.67	$\pm 0.44^a$
C16:1n7	3.50	$\pm 1.04^{bc}$	4.05	$\pm 0.15^c$	3.88	$\pm 0.62^c$	1.98	$\pm 0.10^a$	2.29	$\pm 0.13^{ab}$
C16:2n4	0.45	± 0.17	0.33	± 0.02	0.45	± 0.09	0.47	± 0.37	0.27	± 0.04
C16:3n4	0.69	± 0.33	0.39	± 0.02	0.60	± 0.25	0.32	± 0.04	0.40	± 0.15
C16:4n3	0.29	± 0.30	0.08	± 0.02	0.11	± 0.04	0.13	± 0.03	0.11	± 0.03
C18:0	5.37	± 0.35	4.43	± 0.18	5.24	± 0.95	4.46	± 0.23	5.22	± 0.22
C18:1n9	22.76	± 0.78	22.64	± 0.23	16.94	± 11.94	26.53	± 0.43	26.50	± 0.78
C18:1n7	2.66	$\pm 0.19^a$	2.11	$\pm 0.19^a$	5.63	$\pm 1.03^b$	1.74	$\pm 0.11^a$	1.67	$\pm 0.32^a$
C18:2n6	13.39	$\pm 1.41^a$	16.63	$\pm 0.68^{ab}$	20.98	$\pm 3.97^b$	27.89	$\pm 0.40^c$	29.17	$\pm 1.15^c$
C18:3n4	0.29	$\pm 0.05^a$	0.24	$\pm 0.04^a$	0.27	$\pm 0.08^a$	0.52	$\pm 0.03^b$	0.68	$\pm 0.14^b$
C18:3n3	0.79	$\pm 0.06^a$	0.79	$\pm 0.04^a$	6.76	$\pm 2.81^b$	0.81	$\pm 0.19^a$	0.67	$\pm 0.08^a$
C18:4n3	0.50	$\pm 0.03^{abc}$	0.52	$\pm 0.06^{bc}$	0.78	$\pm 0.26^c$	0.32	$\pm 0.01^{ab}$	0.20	$\pm 0.03^a$
C20:1n9	6.32	$\pm 0.36^b$	6.45	$\pm 0.11^b$	4.15	$\pm 0.97^a$	3.22	$\pm 0.21^a$	2.72	$\pm 0.72^a$
C20:4n6	0.64	$\pm 0.08^a$	0.54	$\pm 0.03^a$	1.06	$\pm 0.42^b$	0.69	$\pm 0.09^{ab}$	0.91	$\pm 0.05^{ab}$
C20:4n3	1.08	$\pm 0.61^b$	0.91	$\pm 0.09^{ab}$	0.54	$\pm 0.06^a$	0.47	$\pm 0.02^a$	0.38	$\pm 0.05^a$
C20:5n3	3.08	$\pm 0.40^b$	3.28	$\pm 0.13^b$	3.15	$\pm 0.54^b$	2.15	$\pm 0.26^a$	1.86	$\pm 0.09^a$
C22:1n11	4.78	$\pm 0.39^c$	5.35	$\pm 0.22^c$	3.10	$\pm 0.32^b$	2.46	$\pm 0.17^{ab}$	1.68	$\pm 0.49^a$
C22:5n3	1.48	$\pm 0.18^{bc}$	1.63	$\pm 0.18^c$	1.13	$\pm 0.14^{ab}$	1.10	$\pm 0.08^a$	0.98	$\pm 0.10^a$
C22:6n3	8.21	$\pm 0.58^b$	8.89	$\pm 0.34^b$	5.98	$\pm 0.67^a$	6.24	$\pm 0.10^a$	6.40	$\pm 0.37^a$
SFA	29.08	$\pm 0.61^b$	25.18	$\pm 0.61^{ab}$	24.48	$\pm 5.03^a$	22.97	$\pm 0.34^a$	23.12	$\pm 0.52^a$
MUFA	40.03	± 2.20	40.59	± 0.10	33.70	± 9.25	35.93	± 0.29	34.85	± 1.42
PUFA	15.61	$\pm 1.85^a$	18.38	$\pm 0.67^a$	29.07	$\pm 3.95^b$	30.01	$\pm 0.11^b$	31.19	$\pm 1.36^b$
w3	15.44	$\pm 0.72^{bc}$	16.10	$\pm 0.65^{ab}$	18.45	$\pm 3.06^c$	11.21	$\pm 0.22^a$	10.60	$\pm 0.34^a$
w6	14.03	$\pm 1.48^a$	17.17	$\pm 0.66^b$	22.05	$\pm 3.90^b$	28.58	$\pm 0.33^c$	30.08	$\pm 1.09^c$
w3/w6	1.11	$\pm 0.14^c$	0.94	$\pm 0.07^b$	0.86	$\pm 0.23^{ab}$	0.39	$\pm 0.01^a$	0.35	$\pm 0.03^a$
HUFA	15.28	$\pm 0.67^c$	15.85	$\pm 0.64^{ab}$	12.75	$\pm 0.89^b$	11.09	$\pm 0.20^a$	10.83	$\pm 0.35^a$
PUFA/HUFA	1.02	$\pm 0.14^a$	1.16	$\pm 0.08^b$	2.27	$\pm 0.16^c$	2.71	$\pm 0.04^d$	2.88	$\pm 0.21^d$

Nilai menunjukkan min \pm SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam baris (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$)

1 Σ SFA: Jumlah asid lemak tepu



2 Σ MUFA: Jumlah asid lemak mono tak tepu

3 Σ PUFA : Jumlah asid lemak poli tak tepu

4 Σ ω -3: Jumlah $\omega 3$

5 Σ ω -6: Jumlah $\omega 6$


6 Σ HUFA: Jumlah asid lemak tinggi tak tepu



Rajah 4.5c: Perbandingan kandungan (e) $\Sigma\omega_6$ dan (f) HUFA pada diet, otot, hati dan kulit anak baung, *M. nemurus* dibekalkan diet yang berbeza nisbah $\omega_3 : \omega_6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan

4.2.5 Aktiviti Lipase

Rajah 4.6 menunjukkan aktiviti lipase U mg⁻¹ protein dalam tiga organ anak baung iaitu perut, usus dan hati. Secara keseluruhannya, tiada tren yang nyata dapat dilihat pada aktiviti lipase dan perbezaan yang tidak signifikan ($P < 0.05$) dicatatkan bagi aktiviti lipase dalam perut anak baung walaupun selepas 16 minggu kajian dijalankan. Dalam perut, aktiviti lipase berada dalam lingkungan 0.53 hingga 1.07 U mg⁻¹ protein dan ikan yang dibekalkan nisbah $\omega 3$ dan $\omega 6$ sebanyak 1:0.5 menghasilkan aktiviti enzim paling tinggi berbanding kesemua diet yang lain. Bagi usus pula, aktiviti lipase paling tinggi ditunjukkan oleh anak baung yang dibekalkan diet dengan nisbah $\omega 3$ dan $\omega 6$ sebanyak 1:0.33 manakala Diet 1:2 pula menunjukkan aktiviti lipase yang paling rendah berbanding dengan diet-diet lain dan perbezaan signifikan ($P < 0.05$) dicatatkan. Jika diperhatikan, aktiviti lipase dalam hati menunjukkan aktiviti yang paling rendah berbanding aktiviti lipase yang dihasilkan dalam perut dan usus. Aktiviti lipase dalam hati menunjukkan bahawa dengan peningkatan paras kandungan $\omega 6$ dalam diet, aktiviti lipase semakin berkurang kecuali ditunjukkan oleh Diet 1:2. Diet 1:2 menghasilkan aktiviti lipase tertinggi dalam hati dan berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) dengan Diet E (1:3) yang menunjukkan aktiviti lipase terendah dalam kajian ini.



Rajah 4.6: Aktiviti lipase (U mg^{-1} protein) dalam perut, usus dan hati anak baung yang dibekalkan diet yang berbeza dalam nisbah $\omega 3$ dan $\omega 6$ selepas 16 minggu kajian dijalankan.

4.2.6 Kualiti Air

Keputusan parameter kualiti air seperti amonia (mg/L), nitrit (mg/L), nitrat (mg/L) dan fosforus (mg/L) ditunjukkan dalam Jadual 4.15. Kandungan amonia paling tinggi ditunjukkan dalam Diet 1:0.5 iaitu 0.91 mg/L dan ia merupakan diet yang menghasilkan kadar tumbesaran paling maksimum, namun nilai ini tidak berbeza secara signifikan ($P>0.05$) dengan nilai yang dihasilkan oleh Diet 1:1 iaitu 0.90 mg/L. Diet 1:0.33 pula menunjukkan tahap kandungan amonia yang terendah 0.75 mg/L dan perbezaan yang signifikan ($P<0.05$) dicatatkan. Bagi nitrit tiada perbezaan secara signifikan dicatatkan. Kandungan nitrat tertinggi dihasilkan oleh anak baung yang dibekalkan Diet 1:2 iaitu 8.33 mg/L manakala Diet 1:0.33 menunjukkan kandungan nitrat paling rendah dan perbezaan secara signifikan ($P<0.05$) dicatatkan. Kandungan fosforus pula berada dalam julat 0.16 hingga 0.49 mg/L.

Jadual 4.15: Parameter-parameter kualiti air bagi anak baung, *Mystus nemurus* yang diberikan diet yang berbeza nisbah ω 3 dan ω 6 selepas 16 minggu kajian dijalankan.

Diet (ω3:ω6)	Ammonia (mg/L)	Nitrit (mg/L)	Nitrat (mg/L)	Fosforus (mg/L)
1:0.33	0.75 \pm 0.11 ^a	0.02 \pm 0.01	6.00 \pm 0.50 ^a	0.18 \pm 0.03 ^a
1:0.50	0.91 \pm 0.02 ^b	0.03 \pm 0.01	7.67 \pm 0.57 ^b	0.30 \pm 0.01 ^b
1:1	0.90 \pm 0.03 ^b	0.03 \pm 0.01	6.17 \pm 0.61 ^a	0.31 \pm 0.04 ^b
1:2	0.87 \pm 0.02 ^{ab}	0.03 \pm 0.01	8.33 \pm 0.64 ^b	0.24 \pm 0.06 ^{ab}
1:3	0.88 \pm 0.04 ^{ab}	0.03 \pm 0.01	7.93 \pm 0.40 ^b	0.16 \pm 0.02 ^a

Nilai menunjukkan min \pm SD, daripada tiga replikat. Nilai dalam lajur (parameter) yang sama dengan abjad yang berbeza mempunyai perbezaan yang signifikan ($P < 0.05$)

5.1 Eksperimen 1 : Kesan Nisbah Protein Kepada Lipid Terhadap Prestasi Tumbesaran, Komposisi Badan dan Profil Asid Lemak bagi Otot Anak Baung, *Mystus nemurus*

Berpandukan kepada kesemua prestasi parameter pertumbuhan yang diukur (WG, SGR dan FBW) jelas bahawa nisbah protein : lipid iaitu sebanyak 35P:20L, menghasilkan pertumbuhan yang terbaik bagi anak baung *Mystus nemurus* walaupun nilainya tidak berbeza secara signifikan dengan anak baung yang dibekalkan kombinasi 35P:15L. Walaupun protein dan lipid mempengaruhi kadar tumbesaran anak baung namun tiada interaksi yang signifikan wujud dalam kajian ini. Kombinasi 35% protein bersama dengan 20% lipid merupakan nilai yang berbeza berbanding keputusan kajian yang telah dijalankan ke atas spesies-spesies lain seperti 30P:12L bagi ikan *Xiphorus helleri*, Poeciliide (Ling *et al.*, 2006), 43P:8L bagi ikan keli Afrika, *Clarias gariepinus* (Ali & Jauncey, 2005), 50P:22L bagi *Dentex dentex* L. (Skalli *et al.*, 2004), 30P:5L bagi pirancanjuba, *Brycon orbignyanus* (de Borba *et al.*, 2003), 38P:14L bagi *Rhamdia quelen* (Salhi *et al.*, 2004) dan 50P:15L bagi belut Australia, *Anguilla australis* (DeSilva *et al.*, 2001). Perbezaan keperluan nilai nisbah protein kepada lipid berlaku berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan spesies ikan itu sendiri ataupun bergantung kepada beberapa faktor seperti saiz, keterhadaman terhadap diet yang dibekalkan dan komposisi asid amino dari sumber protein yang digunakan (De Silva dan Henderson, 1995). Walau bagaimanapun, keputusan kadar tumbesaran yang didapati daripada eksperimen ini lebih

rendah berbanding kajian yang dijalankan oleh Ng *et al.* (2001) iaitu pertumbuhan terbaik bagi anak baung, *Mystus nemurus* bersaiz 7.6 g memerlukan 440 g kg⁻¹ (44%) protein dan 98 g kg⁻¹ (9.8% lipid) dengan nisbah protein kepada tenaga kasar sebanyak 20 mg protein kJ⁻¹ tenaga kasar. Berdasarkan keputusan prestasi pertumbuhan anak baung dalam kajian ini, boleh disarankan bahawa protein boleh dikecualikan daripada digunakan untuk penghasilan tenaga (“protein sparing effect”). Dengan mengurangkan paras protein daripada 44% kepada 35% tetapi meningkatkan paras lipid daripada 15% kepada 20%, lipid yang berlebihan boleh digunakan untuk tenaga dan protein ditumpukan untuk pertumbuhan. Kajian ini menunjukkan anak baung, *Mystus nemurus* mampu menggunakan lipid dengan efisien sebagai sumber tenaga. Beberapa spesies ikan telah menunjukkan keputusan yang positif apabila dibekalkan diet bertenaga tinggi yang menggunakan lipid sebagai sumber tenaga utama bukan protein di dalam diet (Vergara *et al.*, 1999; Lee *et al.*, 2002; Skalli *et al.*, 2004; Ling, *et al.*, 2006; Wang *et al.*, 2006). Secara amnya, kandungan 10 – 20% lipid dalam diet akan memberikan kadar tumbesaran yang optimum tanpa berlakunya pengumpulan lemak yang berlebihan dalam badan ikan. Namun demikian, penambahan lipid dalam diet perlu diberi perhatian yang terperinci kerana lemak yang berlebihan akan mengurangkan jangka hayat pada ikan yang disejukkbeu dan seterusnya mengurangkan nilai komersial (Cowey & Sargent, 1979).

Berasaskan kadar pertumbuhan yang konsisten dengan peningkatan paras lipid bagi semua paras protein yang dikaji dan keputusan ANOVA dua hala menunjukkan protein dan lipid mempengaruhi kadar tumbesaran secara signifikan ($P < 0.05$) pada akhir kajian dijalankan boleh dikatakan bahawa kombinasi minyak ikan dan minyak jagung di dalam diet mampu digunakan dengan efisien oleh anak baung bagi memenuhi keperluan

tenaga untuk sumber bukan protein dan seterusnya menunjukkan kesan simpanan protein. Keputusan ini disokong dengan merujuk kepada nilai PR (108.53 ± 23.05), yang menunjukkan nilai yang terbaik pada kombinasi Diet 35P:20L. Nilai FCR (1.17 ± 0.18) dan PER (2.49 ± 0.42) paling baik juga diperolehi anak baung yang dibekalkan Diet 35P:20L iaitu diet yang memberikan nilai paling tinggi dalam kadar tumbesaran ($116.92\% \pm 16.88$). Walaupun keputusan ANOVA dua hala menunjukkan faktor utama protein dan lipid tidak memberikan kesan yang signifikan ($P > 0.05$) terhadap FCR, PER dan PR, namun nilai-nilai yang terbaik dan tertinggi dicatatkan oleh Diet D (35P:20L). Keperluan tenaga dicapai apabila dibekalkan diet yang mengandungi paras lipid yang tinggi manakala protein dipercayai hanya digunakan untuk pertumbuhan. Ikan mengambil makanan untuk memenuhi keperluan tenaga metabolik (Rozin dan Meyer, 1961; Keembiyehetty dan Wilson, 1998). Jika analisis ANOVA satu hala dilakukan tanpa mengira interaksi antara lipid dan protein, perbezaan yang signifikan pada kadar tumbesaran boleh dilihat bermula pada minggu ke-14 kajian. Daripada analisis yang dijalankan boleh disarankan bahawa, bagi melihat kesan simpanan protein yang lebih signifikan, jangkamasa yang panjang perlu dijalankan ke atas spesies *Mystus nemurus* ini kerana tumbesaran spesies ini lebih perlahan berbanding spesies ikan ternakan yang lain.

Kebiasaannya, ikan menyimpan lipid dalam hati, otot dan tisu adipos di perivisera. Pengurangan dalam HSI dengan penambahan lipid pada kedua-dua paras protein yang dikaji dan dilengkapi dengan peningkatan nilai IPF menunjukkan anak baung, *Mystus nemurus* menyimpan lemak yang berlebihan dalam tisu adipos periviseral berbanding dalam hati ikan tersebut. Tren ini juga berlaku di dalam kajian Lee *et al.* (2002) ke atas anak ikan rockfish, *Sebastes schlegeli*, di mana diet dengan lipid yang

tinggi dan melebihi keperluan tenaga ikan telah menyebabkan penambahan lemak di dalam viseral. Kajian ke atas ikan “red snapper”, *Lutjanus compechanus* (Miller *et al.*, 2005) dan juvenil ikan kod, *Maccullochella peelii peelii* (Mitchell) (De Silva *et al.*, 2002) juga menunjukkan pengumpulan lemak di bahagian intraperitoneal apabila dibekalkan diet yang tinggi tenaga. Sebaliknya berlaku pada ikan kod (*Gadus morhua* L.) iaitu dengan peningkatan paras lipid dalam diet, nilai HSI dan lipid dalam hati juga akan meningkat (Morais *et al.*, 2001; Nanton, *et al.*, 2001). Namun demikian, beberapa kajian juga mendapati bahawa tahap lipid dalam diet kadangkala tidak memberi kesan ke atas pengumpulan lemak di dalam hati spesies ikan marin (Wang *et al.*, 2006; Schulz *et al.*, 2005). Santinha *et al.* (1999) menyatakan bahawa kandungan lipid dalam hati ikan “seabream”, *Sparus aurata* adalah tinggi berbanding sesetengah spesies ikan air tawar, terutamanya pada ikan “rainbow trout”, *Salmo gairdneri* (Henderson & Tocher, 1987). Pemerhatian yang sama dilaporkan berlaku pada ikan “seabass” (McClelland *et al.*, 1995). Jelas hati juga memainkan peranan penting sebagai tempat penyimpanan lipid bagi ikan air masin berbanding ikan air tawar. Walaupun begitu, kajian yang dijalankan terhadap spesies lain menunjukkan kandungan lipid yang tinggi di dalam diet akan menyebabkan peningkatan kandungan lemak di dalam badan dan “visceral” (Helland & Grisdale-Helland, 1998; Company *et al.*, 1999; Cyrino *et al.*, 1999; Portz *et al.*, 2001), seterusnya mengurangkan hasil pengeluaran dan kualiti (Einen & Skrede 1998).

Kandungan protein badan dipengaruhi oleh paras protein di dalam diet iaitu peningkatan dalam pengumpulan protein badan anak baung, *Mystus nemurus*. Keputusan yang sama telah ditunjukkan oleh beberapa spesies ikan iaitu “silver perch”, *Bidyanus bidyanus* (Yang *et al.*, 2002), rohu, *Labeo rohita* (Satpathy *et al.*, 2003), “black catfish”,

Rhamdia quelen (Salhi *et al.*, 2004) dan “catfish”, *Pseudobagrus fulvidraco* (Kim dan Lee, 2005). Pengumpulan lemak dalam badan juga dipengaruhi oleh paras lipid di dalam diet iaitu dengan penambahan lipid dari 5% kepada 15% berlaku peningkatan dalam lemak badan anak baung. Banyak kajian telah melaporkan kesan lipid yang berlebihan di dalam diet akan disimpan sebagai lemak dalam badan ikan (Huang *et al.*, 2001) dan tren yang sama dialami oleh anak aruan tasik, *Rachycentron canadum* (Wang *et al.*, 2005) di mana lemak badan ikan berkurangan dengan peningkatan peratusan protein. Pengurangan dalam lemak badan dengan peningkatan peratusan protein pernah dikaitkan dengan kesan peningkatan dalam aktiviti metabolik disebabkan oleh penggunaan sumber tenaga bukan protein untuk memetabolismekan protein yang berlebihan dan juga proses detoksifikasi dan pembuangan nitrogen. Secara umumnya, indeks keadaan (CF) dipengaruhi oleh paras lipid iaitu semakin tinggi peratusan lipid di dalam diet menghasilkan nilai CF yang tinggi dan Diet 35P:20L mencatatkan keputusan CF yang tertinggi walaupun tidak berbeza secara signifikan. Berpandukan nilai CF yang ditunjukkan ikan yang mengambil Diet 35P:20L paling sihat antara diet-diet lain dan ia sama dengan postulat Williams (2000).

Kesan simpanan protein tidak semestinya menghasilkan keputusan kadar tumbesaran yang baik seperti yang ditunjukkan pada ikan “common dentex” (*Dentex dentex*), “sea bream” (jenahak) (*Sparus aurata L.*) dan “European seabass” (*Dicentrarchus labrax L.*) tetapi pengurangan dalam kandungan lipid dalam badan ikan (Company *et al.*, 1999) dan/atau pengurangan nilai net penggunaan protein (NPU) dengan peningkatan nisbah P/E dalam diet (Van Der Meer *et al.* 1997), juga boleh dikatakan menghasilkan kesan simpanan protein. Selain itu, sumber tenaga seperti karbohidrat yang merupakan sumber tenaga bukan protein juga boleh digunakan untuk

simpanan protein seperti yang terdapat pada ikan “pacu” (*Piaractus mesopotamicus* Holmber 1887; Abimorad *et al.*, 2007).

Kini, fokus pada diet ikan bukan sahaja terhadap keperluan asid lemak untuk menghasilkan pertumbuhan yang baik tetapi ia juga bergantung kepada hasil produk yang dikeluarkan iaitu ikan mestilah memenuhi ciri-ciri nutrisi iaitu profil asid lemak ikan perlu sama atau hampir sama dengan ikan liar (yang hidup bebas di alam semulajadi). Kesedaran tentang perkaitan antara pengambilan ikan dan kesihatan manusia perlu kerana ia akan memberi kesan terhadap pengguna iaitu dapat mengelakkan penyakit jantung dan mengurangkan gangguan keradangan yang seterusnya menarik minat pengguna pada nilai nutrisi ω 3 PUFA, lebih-lebih lagi DHA dan EPA (Jobling, 1993 dan Sargent *et al.*, 1999).

Menurut Henderson (1996), terdapat tiga cara asid lemak dalam diet bagi ikan air tawar digunakan iaitu sama ada menjadi sebahagian daripada fosfolipid, atau disimpan sebagai simpanan lipid neutral (lemak badan) ataupun dimetabolismekan untuk menghasilkan tenaga. Berdasarkan kajian *in vitro* ke atas pengoksidaan- β mitokondria, Henderson (1996) juga menunjukkan fenomena pemilihan substrat ke atas SFA dan MUFA berbanding PUFA untuk penghasilan tenaga. Namun, bagi kajian ke atas anak baung, *Mystus nemurus* ini, pengumpulan asid lemak tepu (SFA) dalam otot amat besar dan menunjukkan bahawa pengumpulan SFA tidak bergantung kepada kuantiti SFA yang dibekalkan di dalam diet dan yang menariknya, dengan peningkatan pengumpulan asid lemak ini adalah paling tinggi berlaku apabila nilai asid lemak ω 3 juga paling tinggi (Diet 35P:5L dan Diet 40P:5L). Dua kemungkinan boleh disarankan iaitu pertama, sama ada SFA tidak dimetabolismekan untuk tenaga oleh anak baung, *Mystus nemurus* dan/ataupun keduanya, pengambilan asid lemak ω 3 yang tinggi menyebabkan

peningkatan biosintesis oleh SFA seperti yang dilaporkan pada ikan “Murray cod”, *Maccullochella peelii peelii* (Turchini *et al.*, 2006). Walau bagaimanapun, jika dilihat paras MUFA dan PUFA pada otot ikan lebih rendah berbanding dalam diet, kajian ini menunjukkan bahawa anak baung, *Mystus nemurus* mungkin lebih cenderung untuk memetabolismekan kedua-dua jenis asid lemak ini berbanding SFA untuk penghasilan tenaga bagi memberi kesan simpanan protein yang telah ditunjukkan dalam kajian ini. Namun demikian, dengan merujuk kepada kandungan SFA dalam otot anak baung, *Mystus nemurus* yang rendah secara signifikan ($P < 0.05$) pada diet yang mengandungi paras tinggi lipid (20%) diet sama yang menunjukkan nilai kadar tumbesaran (%) yang paling tinggi, 35P:20L menunjukkan kemungkinan bahawa SFA dimetabolitkan untuk tenaga tidak boleh diketepikan.

Walaupun kajian ini tidak direka secara spesifik untuk mengenalpasti proses metabolisme asid lemak dan penerangan secara terperinci tidak dapat diberikan, namun komposisi asid lemak $\omega 6$ dalam otot anak baung mencerminkan komposisi asid lemak $\omega 6$ dalam diet yang dibekalkan iaitu apabila peratusan asid lemak $\omega 6$ dalam diet meningkat, peratusan asid lemak $\omega 6$ dalam otot anak baung juga meningkat. Pemerhatian ini telah dijangkakan kerana berlaku penambahan kandungan minyak jagung di dalam diet kajian dan keputusan yang sama telah dilaporkan oleh Caballero *et al.* (2002). Data daripada kajian ini mencadangkan satu kaitan antara $\omega 6$ yang dicapai dengan paras $\omega 3$ yang diberi dalam diet.

Paras asid lemak $\omega 6$ pada otot ikan adalah tiga kali ganda berbanding dengan kandungan $\omega 6$ dalam diet yang diberikan pada kombinasi diet 35P:5L dan 40P:5L. Pada masa yang sama nilai asid lemak $\omega 3$ pula adalah dua kali ganda. Keputusan yang sama

diperolehi oleh Menoyo *et al.* (2007) pada ikan salmon Atlantik, *Salmo salar*. Ia menjelaskan bahawa tren yang diperolehi berlaku hasil daripada peningkatan proses pengasilan semula (“re-acylation”) dan pengangkutan asid lemak C18:2n-6 dalam enterosit pada sel usus yang menyebabkan peningkatan dalam pengumpulan asid lemak dalam otot ikan. Disebabkan asid lemak ω_6 yang paling dominan di dalam otot ikan ialah asid lemak linoleik (C18:2n-6) berbanding arakidonik (C20:4n-6) untuk kesemua diet kajian, dapat disarankan bahawa kehadiran kandungan asid lemak ω_6 tinggi secara relatif, aktiviti enzim Δ_6 -desaturase dan elongase tidak memilih untuk melakukan penukaran asid lemak linoleik (C18:2n-6) kepada rangkaian yang lebih panjang seperti asid lemak arakidonik (C20:4n-6). Keputusan yang sama dilaporkan pada kajian lain (Bell *et al.*, 1992; Olsen & Ringo, 1992). Ini berkemungkinan disebabkan oleh interaksi persaingan antara pengambilan asid lemak ω_3 dan ω_6 dan juga PUFA serta HUFA seperti yang telah dikemukakan oleh Bell *et al.* (2001) pada Atlantik salmon.

Pada ikan, kehadiran aktiviti lipase tidak berkorelasi ataupun dipengaruhi oleh kandungan lipid dalam diet ataupun pengambilan lipid pada ikan (Kuz'mina and Gelman, 1997). Walau bagaimanapun, kajian tersebut kurang relevan semenjak peningkatan paras lipid yang mendadak dalam diet bagi ikan salmonid (Rasmussen *et al.*, 2000). Dalam kajian ini, peningkatan aktiviti enzim lipase dalam perut dan hati anak baung hanya berlaku pada paras protein yang rendah (35%). Di samping itu, tiada tren nyata bagi aktiviti lipase yang ditunjukkan dalam usus anak baung, namun sebaliknya berlaku dalam usus ikan *Colossoma macropomum* (de Almeida *et al.*, 2006). Kajian yang dilakukan oleh Manjappa *et al.* (2002) tidak menunjukkan kesan yang sama ke atas ikan *Cyprinus carpio* yang dibekalkan paras lipid yang berbeza dan pengurangan dalam kandungan

protein. Begitu juga kajian yang dilakukan terhadap spesies bivalvia, *Pecten maximus* didapati kandungan dan komposisi lipid (92.5 g kg^{-1} hingga 313.4 g kg^{-1}) tidak memberi kesan terhadap aktiviti enzim bagi spesies tersebut (Hoehne-Reitan *et al.*, 2007). Secara realiti, aktiviti lipase yang tinggi pada diet yang mempunyai peratusan kandungan lipid yang tinggi menunjukkan peranan utama lipid sebagai sumber tenaga (Divakaran *et al.*, 1999).

Penggunaan lipid sebagai sumber tenaga amat disokong kerana dengan ini sisa kumbahan nitrogen di persekitaran akuatik dapat dikurangkan. Air merupakan medium utama bagi kehidupan ikan. Justeru kualiti air seharusnya sesuai dan selamat untuk ikan membesar. Ikan baung tidak seperti ikan tilapia, ia tidak mampu bertoleransi dengan pelbagai julat keadaan kualiti air. Parameter seperti suhu dan pH bagi sepanjang eksperimen berada antara 27 sehingga 29°C dan pH sekitar 6 hingga 7 . Boyd (1987) menyatakan bahawa ikan tropika boleh bertoleransi pada suhu 23 hingga 31°C manakala bagi pH pula dari julat antara 5 hingga 9 untuk mencapai tumbesaran yang optimum. Bagi oksigen terlarut (DO) pula, bacaan yang dicatatkan adalah antara 3.0 sehingga 6.8 mg/l dan bacaan ini menunjukkan ia lebih rendah berbanding keadaan habitat semulajadi ikan baung yang sering dijumpai di kawasan yang berkepekatan di antara 6 mg/l hingga 8 mg/l (Khan, 1987). Namun, tiada kesan yang negatif dapat diperhatikan di sepanjang kajian dijalankan akibat kekurangan kepekatan DO ini kerana kepadatan penstockan ikan masih rendah (Khan, 1994). Secara keseluruhannya kualiti air pada paras protein yang tinggi (40%) menghasilkan nilai yang tinggi berbanding pada paras protein yang rendah walaupun pada sesetengah parameter seperti nitrit dan fosforus perbezaan yang tidak signifikan dicatatkan ($P < 0.05$).

Dalam kajian ini, dapat diringkaskan bahawa anak baung yang dibekalkan nisbah 35% protein dan 20% lipid memberikan kadar tumbesaran yang paling maksimum namun ia tidak berbeza secara signifikan dengan anak baung ikan yang diberi 35P:15L (Diet C). Jika lipid yang berlebihan dibekalkan kepada ikan, ia akan menyebabkan pengumpulan lemak yang berlebihan dalam badan dan seterusnya menjejaskan kualiti produk ikan itu sendiri. Jadi, keperluan nisbah protein : lipid yang optimum bagi anak baung, *Mystus nemurus* yang bersaiz 3.88 g ialah 35P:15L dengan nisbah P : E 20.91 mg protein kJ⁻¹. Namun, kesan simpanan protein tidak dapat dibuktikan kerana keputusan Anova dua hala menunjukkan tiada perbezaan signifikan yang dicatatkan.

5.2 Eksperimen II – Pengaruh Nisbah Asid Lemak ω 3 dan ω 6 Terhadap Tumbesaran dan Komposisi Asid Lemak dalam Otot, Hati dan Kulit pada Anak Baung, *Mystus nemurus*

Kajian ini merupakan lanjutan kepada Eksperimen I di mana kandungan protein dan lipid telah ditetapkan pada paras 35% protein dan 15% lipid. Di dalam kajian ini lima diet yang diuji mengandungi nisbah kandungan ω 3 dan ω 6 yang berbeza. Selepas kajian dijalankan selama 16 minggu didapati anak baung dapat menerima diet yang diberi dengan baik dan tidak terdapat sebarang kesan akibat kekurangan asid lemak perlu (EFA) pada anak baung seperti kadar tumbesaran yang rendah yang ketara, kekurangan keefisienan pemakanan, peratusan mortaliti yang tinggi, hati ikan pucat dan bengkak, pereputan ekor dan sebagainya. Walau bagaimanapun, simptom kekurangan EFA yang dikaji oleh Castell *et al.* (1972) dipetik oleh Rinchar, (2007) dalam ikan yang dibekalkan asid lemak perlu (EFA) hanya dapat dilihat apabila ikan tersebut dikaji melebihi tempoh lapan bulan. Jangka masa kajian ini mungkin terlalu pendek bagi simptom kekurangan EFA ditunjukkan dalam anak ikan baung.

Secara keseluruhannya, kadar tumbesaran tidak menunjukkan sebarang tren bagi kesemua diet yang diberikan. Pertumbuhan yang paling baik yang dicapai oleh anak baung (*Mystus nemurus*) ialah pada Diet 1 ω 3:0.5 ω 6. Keputusan ini berbeza jika dibandingkan dengan spesies ikan air tawar yang lain kerana pada kebiasaannya keperluan ikan air tawar untuk asid lemak ω 6 melebihi keperluan asid lemak ω 3 (Rodriguez *et al.*, 1997). Namun secara amnya, ikan air tawar memerlukan kedua-dua asid lemak ω 3 dan ω 6 pada nisbah tertentu yang bergantung kepada sesuatu spesies

(Watanabe, 1982). Ringkasan keperluan EFA ini boleh dirujuk pada Jadual 2.2. Berbeza dengan ikan marin, keperluan EFA lebih cenderung kepada asid lemak ω 3 HUFA untuk pertumbuhan (Salhi *et al.*, 1999). Selain daripada paras ω 3 dan ω 6 yang memberi kesan terhadap pertumbuhan bagi ikan air tawar dan ω 3 HUFA untuk ikan marin, kuantiti asid lemak tepu (SFA) juga boleh memberi kesan yang negatif pada kadar tumbesaran ikan sekiranya paras yang berlebihan dibekalkan dalam diet. Contohnya ikan *Tilapia nilotica* (Takeuchi *et al.*, 1983). Diet yang mengandungi SFA C12:0 yang tinggi telah menyebabkan kadar tumbesaran ikan *Tilapia nilotica* berkurangan walaupun diet tersebut mengandungi asid lemak ω 3 dan ω 6 poli tak tepu (PUFA).

Kadar penukaran makanan (FCR) berbeza secara signifikan ($P < 0.05$) antara Diet 1:0.5 dengan Diet 1:1. Selain menunjukkan kadar tumbesaran yang tertinggi, ikan yang dibekalkan diet dengan nisbah ω 3: ω 6 sebanyak 1:0.5 juga menunjukkan nilai FCR paling baik dan PER yang tertinggi dan berbeza secara signifikan dengan diet yang menghasilkan kadar tumbesaran paling rendah (Diet 1:1). Perbezaan nilai FCR biasanya bukan sahaja bergantung pada kandungan makanan tetapi juga saiz ikan dan keadaan pembahagian makanan serta kekerapan pemberian makanan dan juga faktor-faktor persekitaran seperti suhu, kepekatan oksigen dan keasidan air. Pemberian secara berulang kali dalam sehari lebih baik berbanding sekali dalam sehari. Di samping itu, kualiti nutrisi makanan ikan juga amat penting bagi menentukan paras pengambilan makanan dan seterusnya menjamin keperluan nutrisi ikan dipenuhi. Menurut Rodriguez *et al.* (1993), larva ikan *Sparus aurata* yang diberi diet yang kurang paras C22:6n-3 (0.3 mg DM) telah menyebabkan pengurangan dalam pengambilan makanan berbanding larva yang dibekalkan paras C22:6n-3 yang tinggi. Ini kerana sesetengah spesies ikan

menggunakan penglihatan dan ataupun bau untuk mengesan makanan dan C22:6n-3 dipercayai amat penting bagi sistem neuro dan kebolehan penglihatan (Sargent *et al.*, 1999). Jika diperhatikan terdapat juga kemungkinan bahawa anak baung mampu mengesan makanan melalui bau, oleh itu pelet yang dirumuskan mengandungi serbuk sotong sebagai penarik (palatability) kerana anak baung menggunakan mandibel untuk bergerak dan mencari makan di waktu malam (Khanna, 1968 dipetik oleh Khan, 1988).

Secara keseluruhannya, tiada tren nyata yang ditunjukkan dalam indeks-indeks badan yang dikaji. Keputusan parameter Indeks Hepatosomatik (HSI), Indeks Viserosomatik (VSI), Indeks Lemak Intraperitoneal (IPF) dan Indeks Keadaan (CF) yang diperolehi dalam eksperimen ini lebih baik jika dibandingkan dengan keputusan dalam Eksperimen I sekiranya dilihat daripada segi nutrisi diet eksperimen pada ikan yang dibekalkan 35P:15L. Terutamanya pada nilai IPF dalam kajian ini untuk kombinasi $\omega 3:\omega 6$ (1:0.5) ialah 3.12 yang menghasilkan kadar tumbesaran tertinggi, manakala daripada Eksperimen I bagi diet 35P:15L ialah 4.32 yang menunjukkan pengurangan berlaku sebanyak 28%. Bagi nilai CF pada kajian ini bagi Diet 1:0.5 ialah 1.55 lebih tinggi dari Eksperimen I iaitu 0.88. Secara amnya nilai indeks HSI, VSI, IPF dan CF dapat menunjukkan perbezaan tahap kualiti kesihatan di antara ikan-ikan tersebut. Pengumpulan lipid yang berlebihan di dalam hati dan atau kaviti peritoneal boleh menyebabkan penurunan status kesihatan pada haiwan (Mathis *et al.*, 2003). Selain itu, Venou *et al.* (2006) telah melaporkan bahawa ikan besar (50 g berat awal) *Sparus aurata* mempunyai nilai HSI yang lebih rendah berbanding ikan kecil (2 g berat awal) disebabkan oleh jumlah lipid yang kurang daripada ikan kecil. Semakin tinggi HSI, semakin tinggi lipid yang terkandung di dalam hati ikan (Mourente *et al.*, 2002) dan ini

memberi kesan yang baik untuk nilai VSI. Ini disebabkan nilai VSI yang rendah (pengumpulan lemak yang rendah dalam isi ikan) akan meningkatkan berat badan ikan dan meningkatkan hasil akuakultur. Di samping itu, nilai VSI yang rendah juga dapat mengurangkan kadar pengoksidaan lipid pada ikan dan mengekalkan kesihatan dan kualiti ikan tersebut (Chaiyapechara *et al.*, 2003).

Analisis proksimat bagi otot anak baung juga mempunyai corak yang sama seperti CF jika dibandingkan dengan anak baung bagi Eksperimen I pada diet 35P:15L iaitu kandungan protein dalam anak baung lebih tinggi iaitu daripada 55.70% kepada 69.36% manakala lipid pula berkurangan iaitu daripada 22.63% kepada 21.23%. Berpandukan komposisi badan ikan dan indeks biometriks, tidak terdapat sebarang kesan negatif yang ketara, jadi boleh dikatakan makanan yang dibekalkan kepada ikan boleh digunakan dengan sebaik mungkin, sebagaimana ikan dibekalkan makanan yang isolipid dan isoprotein.

Komposisi asid lemak otot ikan selalunya menggambarkan asid lemak dalam pemakanan ikan tersebut dan terbukti proses yang sama berlaku pada kajian ini dan beberapa spesies ikan yang lain iaitu *Oncorhynchus tshawytscha* (Huang *et al.*, 2008), anak ikan *Platichthys stellatus* (Lee *et al.*, 2003) dan *Pagrus major* (Glencross *et al.*, 2001). Dalam kajian ini, nilai SFA dan MUFA yang dominan dalam otot, hati dan kulit anak baung ialah asid palmitik (C16:0) dan asid oleik (C18:1n-9). Ini mencerminkan nutrisi yang terdapat dalam diet yang dibekalkan kepada anak baung. Menurut Andrade *et al.* (1995) dan Guler *et al.* (2008), paras yang tinggi pada asid oleik, asid palmitoleik dan asid arakidonik (AA) telah dilaporkan sebagai atau menunjukkan karektor penting bagi menunjukkan sifat minyak yang terdapat dalam ikan air tawar kerana pada ikan

marin komposisi profil asid lemak yang paling dominon ialah asid lemak ω 3 tinggi tak tepu (ω 3 HUFA). Namun peratusan asid lemak berbeza pada spesies dan organ. Di dalam otot merah dan hati, lipid mengalami proses lebih kepada aktiviti enzim berbanding pada otot putih iaitu menghasilkan asid lemak bebas yang banyak (Hooper *et al.*, 1973). Peratusan yang tinggi pada SFA dan MUFA pada kajian ini berpadanan dengan pendapat Dey *et al.* (1993) yang menyatakan bahawa SFA dan MUFA yang banyak hadir pada ikan dari kawasan bersuhu sederhana panas ataupun temperat, sebaliknya kandungan PUFA yang banyak terdapat pada ikan yang beriklim sejuk. Ini disebabkan oleh kesan fizikal di mana keefisienan haiwan poikiloterma dalam aktiviti penyerapan dan metabolit asid lemak tepu (yang mempunyai tahap cair tinggi) akan berkurang pada suhu yang rendah (Stickney & Andrews, 1994).

Komposisi asid lemak berkemungkinan mempunyai peranan dalam kawalan pengambilan makanan iaitu bergantung kepada panjang rantaian dan darjah ketepuan asid lemak tersebut (Borlongan & Benitez, 1992). Asid lemak tepu (SFA) tidak mudah dihadam dan sekiranya asid lemak tepu wujud dengan peratusan yang tinggi dalam diet, berkemungkinan akan menyebabkan pengurangan dalam proses keterhadaman ketara pada asid lemak yang lain dan seterusnya pengurangan kandungan dalam jumlah keterhadaman pada diet yang dibekalkan (Caballero *et al.*, 2002). Dalam kajian ini, anak baung tidak mengalami masalah tersebut kerana kandungan SFA dalam diet-diet yang dibekalkan masih rendah iaitu antara 17.24% sehingga 19.82%.

Proses metabolisme asid lemak dalam ikan dipengaruhi oleh suhu persekitaran dan juga dietnya (NRC,1993) dan ikan mampu menggunakan lemak tepu dengan efisien pada suhu yang lebih dari 20°C seperti keli, belut dan kap. Keputusan ini disokong oleh

kajian yang dijalankan oleh Ibarz *et al.* (2007) ke atas ikan *Sparus aurata* yang menunjukkan bahawa kandungan SFA pada suhu rendah (5°C) lebih tinggi berbanding suhu tinggi (16°C). Namun, sebaliknya berlaku pada anak baung, seperti keputusan yang diperolehi dalam Eksperimen I, kajian ini juga didapati bahawa pengumpulan SFA yang tinggi berlaku dalam otot, hati dan kulit anak baung tanpa mengambilkira kuantiti SFA yang dibekalkan dalam diet. Dengan keputusan yang diperolehi, boleh dikatakan bahawa anak baung tidak menggunakan SFA sebagai tenaga tetapi memetabolitkan MUFA dan PUFA kerana kuantiti asid lemak MUFA dan PUFA dalam isi ikan lebih rendah berbanding kuantiti dalam diet yang dibekalkan.

Pada umumnya, peratusan PUFA yang tinggi adalah sangat baik untuk mencegah masalah koronari. Walau bagaimanapun komposisi PUFA mempengaruhi kestabilan diet terhadap pemprosesan dan penstoran. Menurut Fernandez-Palacios *et al.* (1995), pengoksidaan komponen lipid ikan semasa peringkat pemprosesan boleh menyebabkan kemerosotan kualiti produk. Lipid ikan mempunyai afiniti yang sangat tinggi terhadap keransidan oksidatif khususnya semasa penstoran sejuk-beku. Ini kerana komposisi asid lemak tinggi tak tepu (HUFA) siri $\omega 3$ yang tinggi khususnya C20:5n3, C22:5n3 dan C22:6n3. Oleh itu, ia boleh dikelaskan sebagai lipid boleh dimakan yang paling tidak stabil.

Paras asid lemak linoleik (C18:2n-6) dan linolenik (C18:3n-3) yang rendah dalam otot ikan menunjukkan bahawa anak baung seperti juga spesies ikan yang lain tidak dapat mensintesis asid lemak C18:2n-6 dan C18:3n-3 secara *de novo* kecuali sekiranya kedua-dua asid lemak ini dibekalkan di dalam diet. Penambahan asid lemak C18:2n-6 dan C18:3n-3 akan menindas tahap MUFA dan seterusnya meningkatkan kuantiti PUFA.

Kebanyakan ikan air tawar mempunyai kebolehan yang semulajadi untuk menukarkan C18:2n-6 (asid linoleik, LA) kepada C20:4n-6 (asid arakidonik, AA) dan C18:3n-3 (asid linolenik, ALA) kepada C20:5n-3 (asid eikosapentanoik, EPA) dan akhirnya menghasilkan C22:6n-3 (asid dokosaheksanoik, DHA) (Turchini *et al.*, 2006). Walau bagaimanapun, LA dan ALA tidak boleh disintesis secara *de novo* oleh vertebrata termasuklah ikan, jadi ia dipanggil asid lemak perlu (EFA). Asid lemak ini boleh bertukar kepada asid lemak rantai panjang tinggi tak tepu (HUFA) secara *in vivo* melalui penggiliran rangkaian pemanjangan dan penyahtepuan. Enzim $\Delta 6$ -desaturase (EC 1.14.19.3) bertanggungjawab untuk menghasilkan C18:3n-6 (Sargent *et al.*, 1999). Walaupun begitu, kajian anak baung dalam eksperimen ini menunjukkan bahawa spesies ini tidak mempunyai kebolehan untuk melakukan proses pemanjangan dan penyahtepuan asid lemak tersebut dan keputusan yang sama diperolehi oleh Henderson *et al.* (1995) terhadap ikan *Esox lucius*.

Merujuk kepada keputusan komposisi otot anak baung dalam Eksperimen I, tren yang sama diperolehi dalam kajian ini iaitu dengan peningkatan nisbah $\omega 6$ di dalam diet akan meningkatkan komposisi asid lemak $\omega 6$ di dalam otot ikan. Dalam kajian ini didapati paras asid lemak $\omega 6$ otot ikan adalah 2 kali ganda di dalam Diet 1:2 berbanding kepada Diet 1:0.33 dan pola yang sama didapati dalam hati dan kulit anak baung. Disebabkan asid lemak $\omega 6$ yang paling dominan di dalam otot, hati dan kulit anak baung ialah asid lemak C18:2n-6 untuk kesemua diet kajian, dapat disarankan bahawa kandungan asid lemak $\omega 3$ mencukupi untuk anak baung dan tinggi secara relatif. Tren ini mencadangkan kemungkinan bahawa aktiviti enzim $\Delta 6$ -desaturase dan elongase memilih untuk tidak melakukan penukaran asid lemak C18:2n-6 kepada asid lemak arakidonik

(AA, C20:4n-6) tidak seperti yang dijangkakan yang berkemungkinan akibat daripada interaksi persaingan antara C18:2n-6 dan C18:3n-3 seperti keputusan yang diperolehi pada ikan *Salmo salar* (Bell *et al.*, 2001). Visentainer *et al.* (2005) mengatakan bahawa asid lemak C18:3n-3 yang tidak dapat bertukar menjadi asid lemak eikosapentanoik (EPA, C20:5n-3) atau asid lemak dokosaheksanoik (DHA, C22:6n-3) akan disimpan dalam ini ikan. Selain itu, kehadiran C22:6n-3 dalam kajian ini juga berkemungkinan telah menghalang penyahtepuan C18. Leger dan Fremont (1981) telah melaporkan C22:6n-3 dalam minyak ikan telah menghalang penyahtepuan C18:2n-6 dan C18:3n-3 dalam hati ikan trout (*Salmo gairdneri*).

Peningkatan paras ω 3 HUFA (contohnya EPA dan DHA) yang dilaporkan dapat membantu tumbesaran dalam ikan berlaku dalam kajian ini yang mana anak baung yang dibekalkan Diet 1:0.5 mempunyai kadar pertumbuhan yang tinggi berbanding diet-diet lain. Namun pada kebiasaannya, ikan air tawar memerlukan asid lemak ω 6 lebih tinggi berbanding ω 3. Contohnya rainbow trout, *Onchorhynchus mykiss* yang mempunyai pertumbuhan paling tinggi apabila mengambil diet yang mengandungi minyak soya iaitu kaya dengan 18:2n-6 (Rinchard *et al.*, 2007) keputusan yang sama juga diperolehi pada larva ikan *Dicentrarchus labrax* (Cahu *et al.*, 2003) dan anak ikan kap biasa (*Cyprinus carpio*) (Guler *et al.*, 2008; Guerden *et al.*, 2006).

Beberapa kajian menunjukkan bahawa pengurangan dalam asid lemak ω 3 dan ω 6 PUFA telah memberikan kesan negatif terhadap ikan iaitu mengganggu beberapa struktur dan proses metabolisme badan ikan (Ruyter *et al.*, 2000). Pertumbuhan yang amat perlahan dan nilai FCR yang rendah merupakan dua kesan yang biasa dihadapi oleh ikan sekiranya dibekalkan kandungan EFA yang rendah (Watanabe., 1982) manakala Ruyter

et al. (2000) mendapati pengurangan dalam $\omega 3$ dan $\omega 6$ PUFA telah menyebabkan peningkatan dalam peratusan kematian dan kemerosotan pertumbuhan pada ikan Atlantik salmon, *Salmo salar*.

Corak komposisi asid lemak otot ikan yang diberi diet dengan lipid yang mengandungi rantaian asid lemak yang pendek (contohnya minyak kelapa sawit, CPO) telah mengumpul asid lemak PUFA $\omega 3$ dan $\omega 6$ yang berantai panjang di dalam tisu otot mereka. NRC (1973) telah menyatakan bahawa satu corak lipid yang disimpan dalam ikan merupakan kehadiran sejumlah besar asid lemak PUFA yang mengandungi rantai karbon 20 – 22 dengan lima dan enam ikatan ganda dua di dalam rantaian tersebut. Selain daripada itu, pemberian diet yang kaya dengan C18:2n-6 menyebabkan pengumpulan kandungan asid lemak C20:4n-6 yang agak tinggi dalam otot ikan tersebut. Sebaliknya pemberian diet yang kaya dengan C18:3n-3 kepada ikan pula menyebabkan pengumpulan kandungan asid lemak C20:5n-3 dan C22:6n-3 yang agak tinggi dalam isi ikan. Namun, dalam kajian ini, anak baung tidak memilih untuk melakukan proses pemanjangan dan penyahtepuan bagi asid lemak C18:2n-6 dan C18:3n-3 tidak seperti yang berlaku pada ikan tilapia (Rasoarahona *et al.*, 2005).

Selain daripada kajian mengenai proses metabolisme, pemanjangan dan penyahtepuan dalam asid lemak, terdapat beberapa usaha yang dilakukan oleh penyelidik untuk mengetahui keadaan apabila perubahan profil asid lemak berlaku ataupun untuk menaksir tempoh masa yang diperlukan untuk menstabilkan profil asid lemak mengikut perubahan pada profil asid lemak dalam diet yang dibekalkan (Jobling, 2003). Jobling (2003) menjelaskan bahawa paras asid lemak pada otot ikan contohnya EPA dan DHA berkurangan apabila minyak ikan digantikan dengan minyak soya, walau bagaimanapun

komposisi asid lemak boleh kembali kepada asal sekiranya ikan diberi makanan yang mengandungi 100% minyak ikan dalam diet dan seterusnya meningkatkan kualiti isi ikan di samping mengurangkan perubahan pada histologinya. Asid lemak yang wujud dalam tisu ikan berbeza mengikut kelas lipid dan fungsinya (Hove & Grahl-Nielsen, 1991).

Keputusan aktiviti lipase dalam eksperimen ini tidak menunjukkan tren yang nyata apabila anak baung dibekalkan diet yang berbeza nisbah $\omega 3:\omega 6$ selama 16 minggu. Walau bagaimanapun, aktiviti enzim yang tertinggi berlaku dalam usus dan diikuti dalam perut, manakala aktiviti lipase paling rendah didapati berlaku dalam hati. Kajian mengenai aktiviti lipase dalam salur penghadaman dan kaitannya dengan kandungan asid lemak masih kurang. Jadi perbandingan sukar dibincangkan.

Kualiti air dalam sistem akuatik dalam pemakanan diet dan tumbesaran ikan. Air menyumbangkan oksigen dan makanan, tempat perkumuhan, mengawal suhu badan serta merupakan habitat bagi sesetengah organisma. Oleh itu, kualiti air mesti sentiasa dipantau dan dikekalkan sepanjang masa (Hooper *et al.*, 2003; Boyd, 2003; Parker, 1995). Dalam kajian ini, diet-diet yang diberikan tidak memberi kesan secara signifikan ke atas nilai nitrit. Namun, diet yang mempunyai kombinasi $\omega 3:\omega 6$ sebanyak 1:0.5 iaitu diet yang memberikan kadar tumbesaran tertinggi menghasilkan nilai yang tertinggi bagi kandungan ammonia. Ini berkemungkinan saiz besar menyebabkan ikan mengumuhkan ammonia lebih tinggi kepadatan ikan ternak juga memainkan peranan (Hooper *et al.*, 2003). Menurut laporan daripada saintis-saintis lain, keadaan optimum eksperimen kajian tidak melebihi nilai seperti berikut: ammonia, 2.5 mg/l; nitrit, 1 mg/l; nitrat, 2 mg/l; fosforus 0.5 mg/l (Boyd, 2003; Parker, 1995; Wilson, 1991).

Berasaskan keputusan profil asid lemak di dalam otot ikan kajian ini juga menunjukkan suatu tren bahawa profil asid lemak anak baung (*Mystus nemurus*) boleh dimodifikasikan oleh diet yang diberikan. Ini seterusnya membawa kemudahan kepada para perumus diet ikan dalam menyediakan diet ikan yang boleh memenuhi keperluan asid lemak manusia itu sendiri. Dua jenis asid lemak ω 3 PUFA yang penting untuk kesihatan manusia ialah EPA (C20:5n-3) dan DHA (C22:6n-3), terutamanya dalam pencegahan penyakit kardiovaskular (Steffens, 1997) dan diet anti-trombosis (Budowski, 1981; Goodnight *et al.* 1982). Namun begitu, sekiranya kandungan asid lemak ω 3 PUFA yang tinggi dalam ikan, ia akan memberikan kesan negatif terhadap ikan itu sendiri kerana kandungan PUFA yang tinggi dalam ikan boleh menyebabkan tekanan oksidatif (Tortensen *et al.*, 2000). Di samping itu juga, kos pemakanan anak baung akan meningkat dengan penggunaan sumber ω 3 (minyak ikan) yang tinggi kerana harganya mahal berbanding minyak yang kaya dengan ω 6 seperti minyak sawit. Walau bagaimanapun, ikan sama ada ditenak ataupun liar, merupakan haiwan ternakan yang unik dalam menyumbangkan asid lemak EPA dan DHA kepada diet manusia dan kepentingannya kepada manusia adalah tidak boleh disangkal.

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Eksperimen I iaitu kajian yang dilakukan ke atas anak baung bagi melihat kesan nisbah protein kepada lipid terhadap prestasi tumbesaran, komposisi badan dan profil asid lemak menunjukkan bahawa kombinasi diet 35P:20L menghasilkan kadar tumbesaran yang tertinggi namun ia tidak berbeza secara signifikan dengan diet yang mempunyai nisbah protein : lipid 35P:15L. Dengan ini, boleh disarankan bahawa diet 35P:15L mempunyai kesan simpanan protein kerana diet yang mempunyai paras protein yang tinggi (40%) tidak menunjukkan perbezaan prestasi tumbesaran yang ketara.

Lanjutan kepada Eksperimen I dilakukan untuk melihat kesan nisbah $\omega 3:\omega 6$ terhadap kadar tumbesaran dan kecekapan pemakanan oleh anak baung, *Mystus nemurus*. Dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa prestasi tumbesaran anak baung (*Mystus nemurus*) yang dibekalkan diet dengan nisbah $\omega 3:\omega 6$ sebanyak 1:0.5 telah menunjukkan kadar tumbesaran tertinggi, nilai FCR yang rendah dan nilai PER yang tinggi. Pengumpulan asid lemak tepu (SFA) dalam otot anak baung juga lebih tinggi berbanding diet yang dibekalkan, manakala MUFA dan PUFA kurang secara relatif berbanding diet yang diberi. Penemuan ini adalah sesuatu yang menarik kerana pada kebiasaannya, ikan air tawar lebih cenderung untuk mengoksidakan SFA bagi menghasilkan tenaga, tetapi sebaliknya yang berlaku pada anak baung dalam kajian ini.

6.2 Cadangan untuk kajian akan datang

Daripada keputusan yang diperolehi daripada profil asid lemak, disarankan bahawa kajian lebih terperinci mengenai proses metabolisme dan aktiviti pemanjangan dan penyahtepuan asid lemak di dalam otot baung perlu dilakukan kerana spesies ini begitu unik dan sifatnya berbeza tidak seperti ikan air tawar yang lain. Di samping itu, kajian terhadap kesan asid lemak perlu (EFA) seharusnya dilakukan. Selain itu, kesan pengoksidaan ke atas otot ikan baung juga perlu dikaji kerana keputusan yang didapati daripada kajian ini menunjukkan bahawa otot anak ikan baung tinggi dengan komposisi asid lemak tepu.

